

قَتِيقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"CARA iblis memperdaya dan menyesatkan ialah dengan menghias atau memperelok segala macam maksiat, supaya maksiat itu kelihatan bagus atau cantik kepada manusia."
- Titah Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1431 Hijrah.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Seorang mukmin adalah cermin bagi saudaranya. Jika dia melihat suatu aib pada diri saudaranya, maka dia memperbaikinya." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.47

SUBUH
4.57

SYURUK
6.16

DUHA
6.39

ZUHUR
12.25

ASAR
3.39

MAGHRIB
6.32

ISYAK
7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 99

19 OGOS 2019 / 1440 ذوالحجه 18

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



FINANCIAL Fun Fair
ketengahkan aktiviti berunsur
kewangan

Muka 6



PENERBANGAN pertama
jemaah haji selamat tiba

Muka 7



BANGARKU Ceria
meriahkan Permata Hijau

Muka 9



MINGGU PSI Hospital
RIPAS dirasmikan

Muka 12

Berangkat menghadiri Majlis Bersanding



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Mu'iz bin Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan Yang Mulia Dayang Wan Haziqah Aqilah binti Haji Yussof. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 3 dan 4).

Praktikkan keutamaan berkasih sayang

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Ogos. - Untuk menjadi seorang yang cemerlang, umat Islam tidak boleh mempunyai sebarang dosa, jika rasa berdosa segeralah memohon ampun lalu

bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sepenuh hati selagi tidak menyekutukan-Nya.

Prof. Dr. Muhd. Kamil Ibrahim dari Universiti Kuala Lumpur, Malaysia dalam Tazkirah Subuh Program 'Masjidku Ma'mur, Negara Berkah' berkata, hati dan jiwa kita kena bersih iaitu memaafkan segala kesalahan orang lain terhadap kita

dan sekiranya kita bersalah maka minta maaf dan memohon agar dibukakan pintu hatinya untuk memaafkan kita.

Jelasnya, keutamaan kasih sayang seharusnya dipraktikkan dalam kehidupan kita yang dianjurkan dalam agama Islam seperti menghulurkan bantuan atau sumbangan kepada yang memerlukan.

Ke muka 8

Pengauditan beri manfaat mengelakkan ketidakpatuhan mengendalikan proses kerja

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan izin-Nya jua, kita telah diberikan kesihatan dan kesempatan untuk sama-sama berkumpul di majlis pada petang ini, iaitu Majlis Perasmian Bengkel Audit Dalam, Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri bagi Ahli-Ahli Pemeriksa Audit Dalam bagi Tahun Kewangan 2019 - 2022 Kementerian Pembangunan, yang diselenggarakan dengan Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Ahli-Ahli Pemeriksa Audit Dalam bagi Tahun Kewangan 2016 - 2019 Kementerian Pembangunan.

Terlebih dahulu, peramba / saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Unit Audit Dalam, Kementerian Pembangunan yang telah dapat mengadakan majlis pada petang ini yang mana saya difahamkan bahawa majlis seumpama ini adalah salah satu inisiatif Unit Audit Dalam dan buat kali pertamanya dilaksanakan sejak Kementerian Pembangunan menubuhkan Unit Audit Dalam pada tahun 2003. Tujuan utama Unit Audit Dalam, Kementerian Pembangunan ditubuhkan ialah bagi memperkemas lagi pengurusan kewangan dan organisasi kementerian dan jabatan - jabatan di bawahnya, dengan memastikan tatacara tadbir urus pengurusan, kawalan kewangan dan perkhidmatan pelanggan dipatuhi; iaitu selaras dengan apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil : 10/2003.

Bagi memastikan pelaksanaan proses kerja pengauditan dan pemeriksaan berjalan dengan cekap, teratur dan telus, Kementerian Pembangunan telah mengambil pendekatan baharu terhadap pengurusan dan pelaksanaannya dengan menempatkan Unit Audit Dalam di bawah Pejabat Menteri Pembangunan dengan melantik Ahli-Ahli Pemeriksa dari kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipilih daripada semua jabatan.

Dalam hubungan ini, tidak lupa juga saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada 72 orang bekas Ahli-Ahli Pemeriksa yang telah dilantik untuk membantu Unit Audit Dalam menjalankan pemeriksaan pengauditan ke atas jabatan-jabatan di Kementerian Pembangunan bagi tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2016 hingga 2019. Dalam tempoh berkenaan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Majlis Perasmian Bengkel Tatacara Audit Dalam Kelolaan Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri Bagi Ahli-Ahli Pemeriksa Audit Dalam 2019 - 2022 Kementerian Pembangunan diselenggarakan dengan Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Ahli Pemeriksa Audit Dalam 2016 - 2019 Kementerian Pembangunan pada Sabtu, 2 Zulhijjah 1440 Hijrah bersamaan 3 Ogos 2019 Masihi di Dewan Betabur, Tingkat 1, Kementerian Pembangunan.

mereka telah berjaya menjalankan sebanyak 17 pengauditan dan telah dapat membantu Kementerian Pembangunan memperbaiki serta memantapkan lagi pelaksanaan pengurusan, perkhidmatan dan kawalan kewangan serta dapat meningkatkan produktiviti pengurusan dan perkhidmatan. Di samping itu juga, mereka mendapat manfaat dan pengetahuan serta dapat meningkatkan kemahiran diri sewaktu mereka membuat kerja-kerja pemeriksaan dan sedikit sebanyak dapat membantu kerjaya mereka. Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan peramba / saya ucapkan kepada mereka.

Daripada penelitian Unit Audit Dalam, Kementerian Pembangunan semasa membuat pengauditan mengenai kewangan dan pengurusan projek, memang tidak dapat disangkal masih terdapat banyak kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki.

Antara isu-isu dan dapatan-dapatan sewaktu pengauditan dalam dibuat ke atas Pengurusan Projek, termasuklah

menyalahgunakan Manual Prosedur Kerja, pengurusan sebut harga dan tawaran serta pembayaran yang kurang cekap dan teratur, pengurusan tatacara sistem pemfailan yang kurang kemas, kurang memahami penggunaan Quotation Administration Guideline (QAGE) and Contract Administration Guideline (CAGE), kurang mengambil berat akan pengauditan yang dijalankan, gagal memberikan respons laporan pengauditan pada tempoh yang telah ditetapkan dan terdapat sesetengah jabatan gagal mengemaskinikan penyata kewangannya untuk diaudit.

Kelemahan - kelemahan ini boleh menimbulkan pembaziran, pemborosan dan mungkin juga penyelewengan jika kurang pengetahuan dan kemahiran, kurang rajin dalam menyelia kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak kontraktor dan konsultan. Ini mengakibatkan projek akan tersasar daripada *target* yang ditetapkan, lewat siap, kos meningkat dan kualiti kerja yang rendah disebabkan kontraktor dan sub-kontraktor tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak.

Pada pendapat saya, antara punca kelemahan-kelemahan yang dinyatakan tadi biasanya berpunca daripada tidak tahu atau kurang mahir membuat kerja (*incompetence*) atau kurang teliti, cuai dan sikap mengambil mudah terhadap kerja, termasuklah dalam mengawasi kerja orang bawahan. Ketiadaan peraturan-peraturan yang mampu menjamin akauntabiliti dan tadbir urus yang kurang baik juga merupakan salah satu faktor penyebab kelemahan-kelemahan ini, yang mana saya percaya ia bukan kelemahan sistem tetapi faktor kemanusiaan (*human factor*).

Saya rasa semua kelemahan-kelemahan ini tidak wajar dibiarkan terus berlaku di kementerian ini dan tidak boleh diterima sama sekali sebagai satu surat takdir atau Business As Usual. Kita diberi akal dan tenaga untuk berusaha mencapai kecemerlangan dalam apa jua yang kita diamanahkan. Kita perlu berusaha mengubah *mindset* kita dan disiplin diri kita bagi mengatasi kelemahan-kelemahan ini supaya ia tidak akan merugikan diri kita dan juga negara kita secara amnya.

Bagi membantu pegawai-pegawai dan jabatan-jabatan di bawah kementerian ini, dari segi pengurusan kewangan dan dari segi pelaksanaan pengurusan pentadbiran projek-projek, Unit Audit Dalam telah mengambil inisiatif bekerjasama dengan pihak Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri, bagi mengadakan Bengkel Tatacara Audit Dalam yang diadakan hari ini khusus bagi pegawai-pegawai yang dipilih untuk membantu kerja-kerja pengauditan dan pemantauan secara berterusan.

Ke muka 9

Dari Sidang
Pengarang.

19 OGOS 2019 BERSAMAAN 1440 ذو الحجه 18

SAMPAIKAN TEGURAN DENGAN BIJAKSANA

AGAMA Islam amat menuntut umatnya agar hidup saling bekerjasama, bersatu-padu, hidup berbaik-baik dan bantu-membantu antara satu sama lain bagi mencapai kehidupan yang aman dan sejahtera. Oleh itu, bagi mencapai dan menjaga kesejahteraan hidup agama kita mengajar umatnya untuk saling tegur-menegur dan nasihat-menasihati antara satu dengan yang lain.

Perbuatan tegur-menegur dan nasihat-menasihati merupakan sikap yang sangat baik dan dianjurkan oleh agama kita. Walau bagaimanapun setiap teguran dan nasihat yang diberikan itu hendaklah disampaikan dengan penuh adab dan sopan agar tidak menimbulkan salah faham mahupun kemarahan sehingga menyebabkan terjadinya pergaduhan, permusuhan dan persengketaan.

Perkara tersebut antara yang ditekankan dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini, yang antara lainnya juga memberikan pengajaran bahawa jika menegur dan menasihati seseorang itu mestilah betul, iaitu untuk kebaikan dan bukannya bertujuan untuk menghukum, menjatuhkan maruah, menghina, mengaibkan, berendam, berniat buruk dan sebagainya. Oleh yang demikian, cara menegur dan menasihati itu perlulah berhemah serta bijaksana dan jangan sekali-kali sengaja mencari kelemahan dan keaiban orang lain, lebih-lebih lagi jika ia menjatuhkan air muka seseorang itu.

Sepertimana hadis riwayat Al-Imam Al-Bukhari daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Seorang mukmin adalah cermin bagi saudaranya. Jika dia melihat suatu aib pada diri saudaranya, maka dia memperbaikinya.*"

Sehubungan itu, perlu juga diingat bahawasanya dalam kehidupan ini, kita hendaklah menjaga dua hubungan, iaitu Hablum Minallah (hubungan dengan Allah) dan Hablum Minannas (hubungan dengan manusia). Oleh itu, janganlah dijadikan teguran dan nasihat itu menjadi penyebab kepada terjadinya perselisihan sehingga terputusnya hubungan silaturahim. Di samping itu, kita hendaklah sentiasa beringat-ingat adalah lebih baik untuk memperbetulkan diri sendiri terlebih dahulu sebelum memperbetulkan diri orang lain. Perkara ini selaras dengan kata-kata Imam as-Syafie Rahimahullahu Ta'ala berkata : Sebesar-besar keaiban atau keburukan adalah engkau mengira keburukan orang lain sedangkan keburukan tersebut terdapat dalam dirimu sendiri.

Oleh yang demikian, sebaiknya tegur-menegur dan nasihat-menasihati itu dengan cara yang baik, berbudi bahasa, dengan kata-kata lembut dan bijaksana dan janganlah sesekali melafazkan kata-kata kesat dan tidak sepatutnya diucapkan sehingga menyebabkan terputus tali persaudaraan. Oleh itu, berilah teguran dengan niat yang ikhlas dan dengan cara yang penuh berhemah agar teguran tersebut dapat diterima dengan hati terbuka. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
33 24 °C	31 25 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR		
33 24 °C	32 24 °C	32 24 °C
PEKAN TUTONG		
33 24 °C	32 24 °C	31 24 °C
KUALA BELAIT		
33 24 °C	32 24 °C	31 24 °C

Wallahualam Bessawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi OGOS	HARI	Hijrah ZULHIJJAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	ISNIN	18	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.39	6.32	7.43
20	SELASA	19	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.38	6.32	7.43
21	RABU	20	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.38	6.31	7.42
22	KHAMIS	21	4.47	4.57	6.16	6.38	12.24	3.37	6.31	7.42
23	JUMAAT	22	4.47	4.57	6.16	6.38	12.24	3.36	6.31	7.41
24	SABTU	23	4.47	4.57	6.16	6.38	12.24	3.35	6.30	7.41
25	AHAD	24	4.47	4.57	6.15	6.38	12.24	3.35	6.30	7.40

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berangkat menghadi Majlis Bersanding



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama paduka-paduka anakanda berkenan berangkat ke Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Mu'iz bin Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan Yang Mulia Dayang Wan Haziqah Aqilah binti Haji Yussof (kanan). Manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Mu'iz bin Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Ahad, 18 Ogos.-Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji

Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Mu'iz bin Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan Yang Mulia Dayang Wan Haziqah Aqilah binti Haji Yussof.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di kediaman pengantin di Baitun Na'aim, Jalan Jerudong dijunjung oleh bonda dan ayahanda pengantin lelaki, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Ke muka 4



JUGA berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah berserta kerabat diraja yang lain (atas). Sementara gambar kanan, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Mu'iz dan Yang Mulia Dayang Wan Haziqah Aqilah semasa Majlis Bersanding tersebut.



BERANGKAT sama, paduka-paduka adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.





YANG Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris ketika mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Majlis Bersanding Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Mu'iz bin Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan Yang Mulia Dayang Wan Haziqah Aqilah binti Haji Yussof dimulakan.

Dari muka 3

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti

Dato Haji Nasir.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul

Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah serta kerabat diraja yang lain.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Pada majlis itu, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM

Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berkenan menerima junjung ziarah daripada kedua-dua mempelai.

Juga menerima junjung ziarah daripada mempelai ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.



BERANGKAT sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir. Juga berangkat Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta kerabat diraja yang lain.



BAGI memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar (kiri sekali). Manakala gambar kanan, kanak-kanak lelaki membawa Dian.

Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI tiba bagi Keberangkatan Negara



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Masri Osman,

Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Ahad, 18 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj serta rombongan berangkat tiba hari ini bagi mengadakan Keberangkatan Negara ke Negara Brunei Darussalam selama tiga hari.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri

Agong ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat selaku kerabat pengiring diraja ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj serta rombongan (kiri dan kanan).

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba baginda berdua ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Menteri Pengiring dan Datin; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Pengiran

Datin; dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Mohd. Taha dan Datin.

Juga hadir sama ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ismail bin Haji Salam.

Sebelum berangkat meninggalkan lapangan terbang, Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat melintasi

Perbarisan Kawalan Kehormatan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Keberangkatan Negara Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ini mencerminkan hubungan baik dan keakraban yang telah kian lama terjalin antara kerabat diraja dan rakyat Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Pada awal tahun ini, baginda berdua juga telah berkenan mengadakan Keberangkatan Muhibah ke negara ini.



KEBAWAH DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat melintasi Perbarisan Kawalan Kehormatan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (atas). Sementara gambar kiri, Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berserta rombongan ketika berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengadakan Keberangkatan Negara ke Negara Brunei Darussalam selama tiga hari.

Financial Fun Fair ketengahkan aktiviti berunsur kewangan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD semasa merasmikan Financial Fun Fair kali ke-4.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

JERUDONG, Sabtu, 17 Ogos. - Financial Fun Fair Kali Ke 4 yang bertemakan 'Fusion of Green and

Technology' dihasrat agar dapat meningkatkan kesedaran orang ramai tentang alam sekitar dan



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar (dua, kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Financial Fun Fair kali Ke-4. Juga hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (kiri) dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah (tiga, kiri).

bagaimana konsep ini boleh diamalkan ketika membuat keputusan-keputusan dan transaksi-transaksi kewangan, yang mana salah satunya adalah melalui penggunaan teknologi.

Bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2019, Financial Fun Fair tahun ini diadakan selama dua hari di Jerudong Park Colonnade anjuran Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Junior Achievement (JA) Brunei serta beberapa institusi-institusi kewangan.

Acara dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD.

Turut hadir di acara tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud;



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar (kiri) yang juga selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD semasa menyaksikan vendor yang turut serta.

Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan AMBD; Ketua-ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah-pengarah Urusan Institusi-Institusi Kewangan tempatan, serta pegawai dan kakitangan AMBD.

Antara yang menyertai acara itu ialah Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam (CIBFM); Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Brunei Association of Banks (BAB); Baiduri Bank; Standard Chartered Bank; Bank Islam Brunei Darussalam Securities (BIBDS); Insurans Islam TAIB (IIT); Takaful Brunei Keluarga (TBK) dan Great Eastern Life Assurance.

Acara kali ini mengetengahkan beberapa aktiviti menarik dan interaktif sesuai untuk seisi keluarga, termasuk Financial Race serta aktiviti-aktiviti berunsurkan kewangan yang disediakan oleh institusi yang turut serta.

Pada acara tersebut, persembahan pancaragam dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan ABDB turut memeriahkan lagi acara Financial Fun Fair itu.

Tiket bagi Financial Fun Fair boleh didapati di AMBD Ticketing Booth di Jerudong Park Playground, pada Sabtu, 18 Ogos 2019 dari jam 9 pagi sehingga 3 petang.

Bagi maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2019, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi AMBD di www.ambd.gov.bn/nsd2019; memuat turun AMBD App melalui App Store atau Google Playstore; atau mengikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti_monetari.

Lebarkan jalur perniagaan menerusi prasarana MondeB2B

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi

ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos - Dengan termeterainya perjanjian di antara Dewan Perniagaan Tionghua (Chinese Chamber of Commerce), kini membolehkan 10 syarikat ahli yang bernaung di bawahnya melebarkan jalur perniagaan menerusi prasarana MondeB2B.

Menerusi penandatanganan tersebut yang berlangsung di Bilik Persidangan Dato Ong Kim Kee, Pejabat Dewan Perniagaan Tionghua, ia dijangka bakal mempromosikan lagi pembangunan industri dan iklim perniagaan negara.

Menandatangani bagi pihak Dewan Perniagaan Tionghua, diwakili oleh Presidennya, Lim Tiong Han @ Lim Peh Beng manakala mewakili MondeB2B ialah Ketua Pegawai Operasi, Juan Sebastian Olea.

Turut hadir pada majlis penandatanganan tersebut ialah



MENANDATANGANI bagi pihak Dewan Perniagaan Tionghua, diwakili oleh Presidennya, Lim Tiong Han @ Lim Peh Beng (tiga, kanan) manakala mewakili MondeB2B ialah Ketua Pegawai Operasi, Juan Sebastian Olea (tiga, kiri).

Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Cina, Lee Chung Keng dan Konsultan Pemasaran, Ryan Wong.

MondeB2B merupakan wakil kepada BIMP-EAGA ICT Cluster yang berlandaskan kepada eDagang B2B yang selamat dengan

pengeksporn, pengimport dan rakan perniagaan dari seluruh dunia dengan bekerjasama dengan kerajaan tempatan dan organisasi swasta dari setiap negara untuk mengesahkan setiap syarikat yang menyertai MondeB2B Marketplace.

Manakala, Dewan Perniagaan

Tionghua yang kini mempunyai hampir 1,000 ahli merupakan sebuah pertubuhan yang komited untuk menyokong pembangunan ekonomi negara dan pembangunan perdagangan, di samping bermatlamat untuk memperkuatkan rangkaian perniagaan serantau dan juga

antarabangsa.

MondeB2B turut memeterai Memorandum Persefahaman bersama dengan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB), Young Entrepreneur Association Brunei (YEAB) dan JayaPuri Sdn. Bhd (UPS) pada 22 Jun lalu.

Penerbangan pertama jemaah haji selamat tiba



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw antara yang hadir bagi mengalu-alukan para jemaah haji penerbangan pertama.



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Muhammad Asri Haji Awang Abas



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Ogos. - Ketibaan seramai 251 orang jemaah haji di Balai Ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dialu-alukan oleh keluarga dan sanak saudara yang tidak sabar untuk bertemu dengan mereka setelah pergi menunaikan Rukun Islam yang kelima itu.

SUASANA di ruang ketibaan dipenuhi oleh sanak-saudara dan ahli keluarga bagi menyambut kepulangan para jemaah haji penerbangan pertama.

Antara yang hadir bagi mengalu-alukan para jemaah haji, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul

Manaf bin Haji Metussin dan Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.

Turut mengalu-alukan ketibaan jemaah haji, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz bin Saad Al Muhanna; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang.

Kepulangan jemaah haji dari penerbangan pertama ini juga disertai tiga orang pegawai Maktab Urusan Haji Perubatan, Pegawai Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Pegawai Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sendirian Berhad, Pegawai Syarikat Raudah Al-Amin Sendirian Berhad dan Pegawai Straits Central Agencies (B) Sendirian Berhad.

Jemaah haji yang mengikuti Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad ialah seramai 42 orang Jemaah, manakala jemaah haji yang mengikuti Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sendirian Berhad pula seramai 41 orang jemaah haji, Syarikat Raudah Al-Amin Sendirian Berhad seramai 62 orang dan Syarikat Straits Central Agencies (B) Sendirian Berhad seramai 103 orang.

Bagi memberkati kepulangan jemaah haji, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh.

Khatam Al-Quran sempena Konvokesyen UBD Ke-31



TURUT hadir pada majlis berkenaan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman (tengah) ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Khatam Al-Quran Sempena Majlis Konvokesyen Ke-31 UBD di Masjid UBD.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

TUNGKU, Sabtu, 17 Ogos. - Sempena Majlis Konvokesyen Ke-31, Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran bertempat di Masjid Universiti, UBD, khusus bagi semua bakal graduan yang beragama Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji

Sulaiman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan; Naib Canselor UBD; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan dan Pegawai-pegawai Kanan serta kakitangan UBD.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah daripada para

peserta khatam yang diraikan, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad beramai-ramai.

Bacaan Takhtim dipimpin oleh salah seorang kakitangan UBD, Awang Haji Mohamed Ramli bin Haji Jumat, manakala Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh salah seorang bakal graduan, Awang Aiman bin Rosli.

Acara disusuli dengan penyampaian bunga telur kepada para pembimbing dan peserta khatam Al-Quran dengan iringan bacaan Dikir Marhaban yang

dibawakan oleh Ahli-ahli Kelab Dikir, Nasyid dan Tausyeh UBD.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena Konvokesyen UBD Ke-31 yang dibacakan oleh wakil Imam Masjid UBD, Awang Haji Md. Asyraf bin Haji Bujang.

Majlis tahunan tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Keagamaan UBD dengan bantuan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Persatuan Mahasiswa-Mahasiswi UBD.

Di samping sebagai tanda

kesyukuran atas kejayaan para graduan Tahun 2019, Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran ini diadakan sebagai wahana UBD untuk mahasiswa-mahasiswi yang 'celik Al-Quran' serta merealisasikan hasrat pembentukan 'Generasi Al-Quran' dan Negara Zikir.

Selain itu, ia juga akan dapat melahirkan mahasiswa-mahasiswi UBD yang berketerampilan dan mendukung usaha universiti mencapai matlamat 'Ke Arah Kesempurnaan Insan'.

Pesambah istimewa warga emas buat raja dikasihi



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (kiri) semasa menyampaikan sijil-sijil khatam Al-Quran kepada warga emas yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran 73 Kali Khatam Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-73 (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (tengah) dan isteri semasa hadir pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

MADANG, Ahad, 18 Ogos. - Sebagai pesambah istimewa daripada Kumpulan Warga Emas kepada raja yang dikasihi, seramai 600 warga emas hari ini menyertai Majlis Khatam Al-Quran 73 Kali Khatam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang. Hadir pada majlis tersebut dan menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta khatam ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang. Pengerusi majlis, Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin

semasa berucap menjelaskan, Kumpulan Warga Emas, menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pesambah istimewa bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bersempena dengan Hari Keputeraan baginda yang ke-73 tahun.

Tambahnya, ia merupakan satu usaha berkebakikan daripada 600 orang warga emas demi raja yang mereka sanjung dan kasihi.

Majlis khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran oleh peserta-peserta khatam yang diketuai oleh Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Si-Raja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin yang juga membacakan Takhtim dan Doa Khatam.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban oleh para jemaah lelaki warga emas yang hadir.

Antara tujuan majlis diadakan adalah bagi merafakkan doa semoga dengan berkat kepimpinan bijaksana dan kewibawaan baginda, negara dan rakyat akan terus berkembang maju, kekal dalam keadaan suasana aman damai, tenteram, sejahtera serta harmoni.

Di samping itu majlis berkenaan juga diharap dapat memperkembangkan dan memperbaiki kualiti pembacaan Al-Quran dalam kalangan warga emas serta seterusnya berjinak-jinak dan menjadikannya sebagai amalan harian.

SERAMAI 600 orang warga emas menyertai Majlis Khatam Al-Quran 73 Kali Khatam Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-73, yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang.



Praktikkan keutamaan berkasih sayang



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tiga, kiri) semasa hadir mengimarahkan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan seterusnya mendengarkan Tazkirah Subuh bertajuk 'Membina Diri Menjadi Pemimpin Cemerlang' yang disampaikan oleh Prof. Dr. Muhd. Kamil Ibrahim dari Universiti Kuala Lumpur, Malaysia pada Program 'Masjidku Ma'mur, Negara Berkah'.

Dari muka 1

Dalam tazkirahnya bertajuk 'Membina Diri Menjadi Pemimpin Cemerlang' di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di sini, Prof. Dr. Muhd. Kamil Ibrahim juga menerangkan mengenai tiga perkara penting untuk kita tinggalkan apabila sudah meninggal dunia, iaitu anak yang soleh yang selalu mendoakan

ibu bapa, amal jariah dan ilmu yang bermanfaat.

Selagi Allah mengurniakan masa kepada kita, Prof. Dr. Muhd. Kamil Ibrahim seterusnya menyeru agar umat Islam segera beribadat dan bertaqwa serta memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir mengimarahkan

Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan seterusnya mendengarkan Tazkirah Subuh yang dibenarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan datin.

Juga hadir, Setiausaha Tetap,

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin

Haji Abd. Latif.

Usaha memakmurkan masjid-masjid di negara ini, adalah antara landasan umat Islam di negara ini ke arah menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala bagi diri kita, keluarga dan juga negara.

Bangarku Ceria meriahkan Permata Hijau

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu (tengah); Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman (kiri); Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Muhammad Khairul Shahrul bin Haji Duahim (kanan) antara yang hadir pada aktiviti riadah Bangarku Ceria.

TEMBURONG, Ahad, 19 Ogos. - Jabatan Daerah Temburong dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), agensi-agensi kerajaan dan beberapa persatuan telah mengadakan aktiviti riadah, Bangarku Ceria dalam usahanya untuk menceriaikan suasana pekan daerah berkenaan.

Antara pengisian program

termasuklah Sembahyang Subuh Berjemaah dan seterusnya tazkirah di Masjid Utama Mohammad Salleh.

Bangarku Ceria dimeriahkan dengan acara berbasikal sejauh 13 kilometer yang berlepas dari Dermaga Pekan Bangar ke Kompleks Sukan Temburong dan berakhir di Pekan Bangar, di samping acara walkaton sejauh 2.5km yang

bermula dari Pekan Bangar ke Kampung Sungai Tanit dan kembali ke Pekan Bangar.

Turut hadir menyertai aktiviti Bangarku Ceria ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman; Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Muhammad Khairul Shahrul bin Haji Duahim, Ketua-ketua cawangan, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung serta penduduk kampung di daerah itu.

Jualan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung turut memeriahkan acara Bangarku Ceria selain aktiviti sampingan seperti Tarik Kalat, Pertandingan Memancing Udang Galah, Peraduan Mewarna, Jualan Car Boot Sales, aktiviti Fun Games dan sebagainya.

Antara objektif program tersebut ialah untuk menarik orang ramai dari dalam dan luar daerah selain mewujudkan

penglibatan masyarakat.

Di samping itu, program diharap dapat membantu aktiviti perekonomian MPMK khususnya dan penduduk Daerah

Temburong amnya dan juga untuk memartabatkan amalan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat Negara Brunei Darussalam.



PERTANDINGAN Memancing Udang Galah antara aktiviti yang menarik penyertaan orang ramai pada Bangarku Ceria tersebut.



ANTARA aktiviti-aktiviti menarik semasa Bangarku Ceria tersebut (kiri dan kanan).



HALUAN

Dari muka 2

Bengkel ini termasuklah pelaksanaan pengauditan akauntabiliti dalam pengurusan pejabat dan pengurusan kewangan, memantau untuk memastikan 'Kecemerlangan Pengurusan Kewangan dari perspektif Jabatan Audit' teratur dan dipatuhi.

Saya juga ingin menasihatkan kepada Unit Audit Dalaman supaya akan terus meningkatkan usaha dalam pengurusan program aktiviti pengauditan mereka di masa akan datang secara lebih komprehensif dan efektif dalam usaha membantu Kementerian Pembangunan dan jabatan - jabatan di bawahnya untuk meningkatkan tahap akauntabiliti dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang yang sedia ada.

Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan kepada semua ketua - ketua jabatan di Kementerian Pembangunan supaya akan sentiasa memberikan kerjasama kepada Unit Audit Dalaman semasa jabatan, divisyen atau unit mereka diaudit. Saya percaya pengauditan yang dijalankan itu bukanlah untuk mencari kesalahan semata-mata, malah ia akan memberi

manfaat kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan untuk mengelakkan daripada ketidakpatuhan dalam mengendalikan proses-proses kerja termasuklah dalam hal pengurusan kewangan dan aset-aset kerajaan di samping mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam tadbir urus pelaksanaan tugas dan juga tanggungjawab masing-masing.

Di samping itu juga inisiatif Unit Audit Dalaman, Kementerian Pembangunan secara langsung menyumbang kepada pendekatan usaha kerjasama Whole of Nation Approach antara Kementerian Pembangunan dengan Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri dalam sama-sama berganding bahu memastikan jentera tadbir urus kerajaan dilaksanakan dengan telus, cekap dan berkesan berprinsipkan 4E iaitu 'Economy, Efficiency, Effectiveness dan Ethic' dan berpandukan kepada konsep MIB, Melayu Islam Beraja.

Dalam hal yang sama, saya juga menasihatkan kepada semua ketua-ketua jabatan di Kementerian Pembangunan untuk mengambil inisiatif proaktif dalam memastikan perkara-perkara asas tadbir

urus jabatan masing-masing dalam keadaan teratur dan mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada. Janganlah bersikap *complacent* dan janganlah ditunggu untuk Unit Audit Dalaman membuat pemeriksaan ke atas jabatan masing-masing kerana tadbir urus yang baik (Good Governance Practices) adalah diperlukan sepanjang masa bagi menjamin akauntabiliti dan integriti jabatan masing-masing. Langkah-langkah awal oleh setiap jabatan, divisyen dan unit, bagi memastikan tadbir urus, memastikan peraturan-peraturan, dasar kerajaan seperti Peraturan-Peraturan Am, Peraturan-Peraturan Kewangan 1983, Surat-surat Keliling Kerajaan hendaklah diberi keutamaan yang tinggi untuk dipatuhi. Semua usaha-usaha amalan tadbir urus kerajaan yang terbaik (Good Governance Practices) ini adalah merupakan salah satu isi kandungan Strategi Utama dalam Pelan Strategi dan Rangka Dasar 2018 - 2023 Kementerian Pembangunan iaitu 'Memperkuhkan Polisi dan Rangka Kerja Urus Tadbir'.

Kepada Ahli-ahli Pemeriksa yang baru dilantik bagi tempoh 2019 hingga 2022, saya berharap, biskita dapat menggunakan kesempatan ini sebagai platform untuk

meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam hal ehwal pengurusan tadbir urus yang baik dan juga mengetahui tatacara pengurusan mengikut peraturan yang telah sedia ada iaitu peraturan kewangan dan yang seumpamanya.

Akhir kata, peramba / saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Unit Audit Dalaman, Kementerian Pembangunan dan juga kepada pihak Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri kerana dapat mengusahakan bengkel pada petang ini. Saya berdoa semoga apa jua usaha-usaha yang kita laksanakan akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmannir Rahim* Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam saya dengan ini sukacita merasmikan Bengkel Audit Dalaman Kementerian Pembangunan khusus bagi Ahli Pemeriksa yang baru lantik bagi tempoh tiga tahun 2019 - 2022.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Perkenalkan tarian budaya Punjabi



PEMANGKU Pengerusi Pusat Ehsan, Dato Paduka Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab; Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abd. Momin; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar pada persembahan tarian dan muzik budaya Punjabi, India sempena dengan Hari Kemerdekaan India Ke-73 (kiri). Sementara gambar kanan, antara persembahan yang disampaikan oleh Punjabi Folk Dance Group 'Sabhyachar Kender'.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin

BENGKURONG, Sabtu, 17 Ogos. - Bersempena dengan Hari Kemerdekaan India Ke-73, Suruhanjaya Tinggi India di Brunei Darussalam mengadakan acara kebudayaan di beberapa

tempat yang menampilkan persembahan tarian dan muzik budaya Punjabi, India. Sehubungan itu, Punjabi Folk Dance Group 'Sabhyachar Kender' berpeluang mengunjungi Pusat

Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan mengadakan beberapa persembahan menarik di sana.

Berlangsung di Dewan Serbaguna pusat berkenaan, acara turut dihadiri oleh Pemangku Pengerusi Pusat Ehsan, Dato Paduka Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab; Pemegang Amanah

Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abd. Momin; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar.

Beberapa persembahan kebudayaan diketengahkan,

berbentuk Folk Orchestra, tarian dan persembahan rakyat, nyanyian rakyat juga pengenalan kepada peralatan muzik tradisional yang digunakan.

Juga hadir dan teruja menyaksikan persembahan-persembahan tersebut, penuntut-penuntut pusat berkenaan.

Penting menjaga, memelihara anak-anak kitani



YANG Mulia Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

TUTONG, Sabtu, 17 Ogos. - Program Awasi Anak Kitani (AAK) diadakan sebagai usaha untuk menambah dan meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa tentang keselamatan juga mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah dan isu-isu dalam negeri.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan melalui Jawatankuasa program berkenaan bagi Mukim Keriam dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sendirian Berhad diadakan di Dewan Serbaguna Sinaut, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Yang Mulia Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji

Muhammad Taha bin Abdul Rauf.

Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya juga Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan selaku Pengerusi AAK ketika berucap pada program itu menjelaskan bahawa fokus program itu adalah pengawasan anak-anak kitani kerana merekalah yang akan menjadi harapan untuk membawa negara bergerak maju bagi membantu merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

"Oleh itu, peranan para peserta adalah penting bagi menjaga dan memelihara anak-anak kitani agar mereka sentiasa berfikir positif, proaktif dan berwawasan. Adalah diharapkan dengan maklumat yang diperoleh melalui program ini, para peserta akan dapat lagi meningkatkan pengawasan

anak-anak dan bertindak dalam menangani isu-isu tersebut jika ia berlaku kepada anak-anak mereka," ujarnya.

Dayang Ruhil Amal Faridah seterusnya berharap melalui program tersebut para peserta akan dapat meningkatkan lagi pengawasan anak-anak dan kerjasama dengan agensi-agensi yang sentiasa bekerja keras untuk mengawal keselamatan juga membanteras gejala sosial.

Semua pihak, termasuk di peringkat mukim dan kampung, jelasnya mempunyai peranan penting dalam menaati tanggungjawab menjaga keharmonian juga perpaduan masyarakat.

Program diisi dengan taklimat oleh Ketua Cawangan JKDN, Dayang Hajah Khartherinah Zeimah binti Haji Ibrahim selaku wakil JKDN, antara lain menjelaskan mengenai tugas dan tanggungjawab jabatan berkenaan termasuk isu-isu keselamatan dalam negeri di bawah pantauan jabatan tersebut.

Taklimat kedua pula disampaikan oleh Profesional IT, Dayang Ida Frida binti Abu selaku wakil ITPSS yang menyentuh mengenai ancaman dan jenayah siber, selain mengongsikan mengenai tip pengguna bijak dalam penggunaan teknologi, termasuk panduan ibu bapa dalam mengawasi penggunaan IT dalam kalangan anak-anak.

Manakala wakil daripada BKN, iaitu Penolong Pegawai Narkotik, Awang Ranil bin Rosli dalam taklimatnya mengongsikan mengenai keburukan dadah, yang mana gejala penyalahgunaannya dalam kalangan masyarakat negara kita semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius.

Program juga diisi dengan jualan buku terbitan Jabatan Penerangan dan pameran daripada BKN juga JKDN.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



PROGRAM Awasi Anak Kitani juga diisi dengan pameran daripada Jabatan Penerangan, BKN dan JKDN.



ANTARA yang hadir pada program tersebut.

Hari Terbuka IBTE CET

Perkenalkan pelbagai program menarik



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Teknik, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penaja.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - Bagi mempromosikan program-program yang ditawarkan, Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE CET) mengadakan Hari Terbuka IBTE CET 2019 bertempat di Bangunan Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Terbuka IBTE CET itu ialah Pemangku Pengarah

Pendidikan Teknik, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan IBTE, jemputan-jemputan khas dari pihak yang berkepentingan dan penaja-penaja bagi acara Hari Terbuka IBTE CET 2019.

Hari Terbuka IBTE CET 2019 tersebut akan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini sehingga 19 Ogos nanti.

Lebih 30 pengusaha dijemput untuk menyertai aktiviti jualan yang juga diadakan pada acara tersebut.

Sebahagian daripada pengusaha tersebut terdiri daripada peserta-peserta yang pernah mengikuti program masakan IBTE CET sebelum ini.

Pelbagai aktiviti disediakan bagi memeriahkan lagi Hari Terbuka IBTE CET 2019 termasuk pameran kursus dan program, sesi ceramah motivasi, bengkel masakan dan sebagainya.

Kursus dan program yang ditawarkan oleh IBTE CET membolehkan pelajar-pelajar dewasa dan lepasan sekolah untuk mendapatkan atau menaik taraf pengetahuan dan kemahiran mereka di dalam pelbagai bidang, antaranya kursus menaip, bahasa asing, autocad dan sebagainya.

Di samping itu, pelbagai kursus baharu diperkenalkan seperti kursus Fashion Design, Kursus Muzik, Kursus Penternakan Ayam, dan sebagainya.

Bagi memastikan kursus dan program yang ditawarkan serta dijalankan memenuhi keperluan dan kehendak orang ramai dan industri, IBTE CET juga mengadakan satu inisiatif iaitu Borang 'Expression of Interest' (EOI).

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Melalui borang EOI ini, orang ramai boleh menyatakan jenis-jenis kursus yang diminati, dan kursus yang diharap dapat ditawarkan oleh IBTE CET.

Objektif utama acara ini adalah untuk mempromosi IBTE CET kepada orang ramai sebagai sebuah pusat pembelajaran yang menawarkan pelbagai jenis kursus dan program bagi menggalakkan

pembelajaran sepanjang hayat di Negara Brunei Darussalam.

Ia juga selaras dengan Wawasan 2035 iaitu menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Orang ramai dialu-alukan hadir bagi sama-sama memeriahkan lagi acara Hari Terbuka tersebut.



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Teknik, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli mengadakan lawatan ke gerai-gerai jualan yang ikut serta pada Hari Terbuka IBTE CET.

Creative Night Market Vol 2 hidupkan suasana ibu negara



DAYANG Hajah Noor Monasalieana @ Suzie binti Haji Mohd. Salleh selaku penggerak Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - 'Creative Night Market Vol 2' menyediakan pelbagai acara menarik buat para pengunjung yang ingin meluangkan masa bersama kawan-kawan dan keluarga tersayang yang diadakan di sepanjang kawasan Dermaga Diraja, ibu kota, di sini.

Dayang Hajah Noor Monasalieana @ Suzie binti Haji Mohd. Salleh selaku penggerak Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) semasa ditemu bual berkata 'Creative Night Market Vol.2' telah bermula dari jam 7.00 malam hingga 11.00 malam itu menekankan tiga aspek utama iaitu Keusahawanan, Industri Kreatif dan mengamalkan Gaya Hidup Sihat.

Jelasnya, projek MMPB bermula

dari Pusat Belia dan kini berkembang ke kawasan baharu iaitu Dermaga Diraja dengan tujuan untuk menghidupkan suasana dan memeriahkan lagi kawasan Dermaga Diraja, di samping menjadikan Galeri D'Seni Dermaga Diraja sebagai tempat tumpuan bagi para pelukis dan ahli seni kreatif untuk berkumpul bersama belia-belie dan juga untuk orang ramai yang berkunjung bersama keluarga dan kawan-kawan.

Antara aktiviti-aktiviti menarik yang diadakan pada acara berkenaan ialah penampilan pelukis seni kreatif berbakat tempatan, persembahan akustik daripada artis-artis tempatan, pertunjukan reptilia dan burung dan lain-lain lagi.

Selain itu, lebih 40 pengusaha makanan dan minuman yang terdiri dari kalangan belia

**Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

tempatan turut mengambil bahagian bagi mempamerkan dan menjual produk mereka.

'Creative Night Market Vol. 2' diunkayahkan oleh ahli-ahli komiti MMPB yang merupakan sebuah projek Sukarelawan Belia yang dijalankan sebagai kolektif di bawah satu bumbung oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang bertujuan mempamerkan aktiviti seni dan kebudayaan, hiburan, bakat tempatan dan keusahawanan dari industri kreatif.

MMPB merupakan satu platform untuk para belia membuat pendedahan kepada orang ramai mengenai bakat mereka dari pelbagai aspek.



SUASANA 'Creative Night Market Vol 2' yang menyediakan pelbagai acara menarik buat para pengunjung yang ingin meluangkan masa bersama kawan-kawan dan keluarga tersayang yang diadakan di sepanjang kawasan Dermaga Diraja, ibu kota.

Kerja mengesan kebocoran paip masih diteruskan

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama penduduk yang terjejas iaitu dari kawasan Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Kampung Perumahan Meragang, Kampung Tanah Jambu, Kampung Salambigar, Kem Pertahanan ABDB bahawa kerja-kerja pembaikan paip air utama (berukuran 1200mm) di Lebuhraya Muara-Tutong berdekatan tanda km 52.7 telah selesai dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja mengesan kebocoran paip tersebut masih diteruskan memandangkan bekalan air ke kawasan yang terlibat masih belum pulih sepenuhnya.

Sehubungan dengan itu, Jabatan ini juga ingin menjelaskan kepada orang ramai bahawa mesej tular mengenai dengan kerja pembaikan paip tersebut mengambil masa 1-2 minggu adalah tidak benar dan menasihati orang ramai agar tidak menyiarkan apa jua maklumat-maklumat palsu.

Dalam hal ini, pihak jabatan ingin mengingatkan orang ramai bahawa perbuatan menyebarkan maklumat tidak sahih, apatah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalah dan boleh dilaporkan di bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada menggunakan lisan atau

tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh di penjara tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

Pada masa yang sama, untuk mengurangkan gangguan bekalan air, beberapa *stand pipes* dan tangki air biru telah ditempatkan di beberapa kawasan iaitu di Kampung Perpindahan Lambak Kanan di kawasan Jalan 49; Jalan 64; Jalan 11; kawasan Pondok Polis dekat Dewan Kemasyarakatan Jalan 77; berdekatan Jabatan Pendidikan Kokurikulum; dekat simpang Masjid Lambak Kanan; dekat Sekolah Dato Marsal; Simpang 262, Jalan 10 Utara dan Jalan Madang dekat Simpang 46.

Sementara itu di Kampung Perumahan Meragang, ada disediakan di Taman Rekreasi Rancangan Perumahan Negara Meragang; Jalan Wasai Limuru; Simpang 107, Simpang 119 dan Simpang 120.

Jabatan Kerja Raya juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air serta menghubungi talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Sekali lagi, Jabatan Kerja Raya memohon maaf atas perkara ini dan ingin berterima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai.

Minggu PSI Hospital RIPAS dirasmikan



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Haji Abd. Khalid As'ari bin Haji Azahari (tengah) merasmikan Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI), bertempat di Ruang Legar, Klinik Obstetrik & Ginekologi, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak (kiri). Sementara gambar kanan, salah seorang kakitangan Hospital RIPAS semasa menyampaikan penerangan pada ibu bapa mengenai manfaat mengamalkan PSI baik bagi si ibu mahu pun anak-anak damit.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) dihasrat dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai kepentingan PSI, bukan sahaja bagi ibu dan anak damit juga keluarga, bahkan kepada ekonomi negara dan alam persekitaran.

Bersempera Minggu PSI

Sedunia 2019 bagi hospital di setiap daerah di negara ini, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mengadakan Majlis Perasmian Sambutan Minggu PSI, bertempat di Ruang Legar, Klinik Obstetrik & Ginekologi, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, hospital berkenaan, di sini.

Perasmian sambutan

disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital RIPAS, Awang Haji Abd. Khalid As'ari bin Haji Azahari.

Pada majlis itu, Awang Haji Abd. Khalid As'ari dan isteri juga menyerahkan kain penutup penyusuan anak damit (*breastfeeding covers*) kepada ibu-ibu di Wad 34 dan 35, Wad 33 dan Wad 31, di mana sejumlah 80 helai kain penutup penyusuan anak damit diagihkan kepada ibu-ibu di wad-wad materniti dan pediatrik.

Sambutan bertemakan 'Memperkasa Ibu Bapa,

Membolehkan Amalan Penyusuan Susu Ibu' (Empower Parents, Enable Breastfeeding) juga diisikan dengan pameran, antara lain mempamerkan manfaat mengamalkan PSI baik bagi si ibu mahu pun anak-anak damit.

Bersesuaian dengan tema itu, Hospital RIPAS memberikan komitmen tinggi dan serius dalam perihai melindungi anak damit.

Antara yang hadir, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat 1, Hospital RIPAS, Awang Fuad Wajdi bin Dato Paduka Haji Mohamad Murad; Pensyarah Kanakan, Institut Sains Kesihatan

Universiti Brunei Darussalam, Dr. Nik Ani Afifah Haji Mohamad Tuah @ Nik Tuah; Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan; Pegawai-pegawai; dan kakitangan Hospital RIPAS.

Dengan adanya sambutan seumpama itu diharap akan dapat melahirkan generasi yang sihat, cemerlang dan kaya dengan nilai-nilai murni; mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs); termasuk obesiti dan mempromosi; menyokong juga melindungi amalan PSI di Negara Brunei Darussalam.

Tujuh majikan, 22 pekerja tempatan belum didaftarkan

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan dengan kerjasama Jabatan Buruh telah mengadakan Lawatan Bersepadu ke premis-premis perniagaan di kawasan Batu Bersurat, Daerah Brunei Muara dan sekitarnya.

Lawatan tersebut telah diketuai oleh Pemangku Pengarah Urusan TAP, Dayang Hajah Chairani binti Haji Sulaiman manakala Jabatan Buruh diketuai oleh Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Buruh, Awang Zulhilmi bin Haji Abidin.

Lawatan tersebut adalah usaha berterusan TAP dalam memastikan majikan telah menjalankan tanggungjawab untuk mendaftarkan dan membayar caruman pekerja-pekerja tempatan ke Skim TAP dan Skim SCP.

Pada masa yang sama, untuk memastikan majikan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Buruh bagi pekerja tempatan dan pekerja asing, selaras dengan Perintah Pekerjaan 2009.

Semasa lawatan tersebut, pegawai-pegawai pemeriksa TAP telah mendapati dari sebanyak 50

premis perniagaan yang telah diperiksa, seramai tujuh majikan dan 22 orang pekerja tempatan masih belum didaftarkan di bawah skim TAP dan SCP.

Majikan yang telah gagal menunjukkan dokumen-dokumen yang diperlukan semasa lawatan telah pun diarahkan untuk membuat perjumpaan ke pejabat TAP bagi tindakan selanjutnya.

Dengan ini, TAP ingin mengingatkan majikan mengenai tanggungjawab mereka untuk mendaftarkan dan membayar caruman pekerja-pekerja yang layak di bawah skim TAP dan Skim SCP.

Pekerja yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang mencukupi syarat adalah wajib didaftarkan dan dicarumkan ke skim TAP dan skim SCP.

Ini termasuklah pekerja sementara, pekerja berkontrak, pekerja bergaji hari, dan pekerja di dalam tempoh percubaan.

Di bawah Bab 26, Akta Amanah Pekerja, jika sabit kesalahan, majikan boleh didenda tidak kurang BND3,000 bagi kesalahan pertama dan tidak lebih BND10,000 bagi kesalahan kedua

dan seterusnya.

Ahli yang ingin membuat sebarang aduan bolehlah mengunjungi mana-mana cawangan TAP yang berdekatan, atau menghubungi Pusat Panggilan TAP melalui talian +673 2382800 semasa waktu bekerja ataupun melalui aplikasi Whatsapp melalui talian +673 8998290.

Bagi ahli yang telah berdaftar ke e-Amanah, aduan bolehlah dibuat dengan mendaftar masuk ke akaun ahli melalui laman sesawang TAP di www.tap.com.bn.

Dalam masa yang sama, Jabatan Buruh mendapati beberapa kesalahan daripada pihak majikan di mana didapati adalah pekerja tidak diberikan hari rehat (*off day*); tiada penyediaan kontrak perkhidmatan untuk pekerja tempatan; dan waktu rehat yang tidak mencukupi iaitu tidak selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009.

Jabatan Buruh juga ingin mengingatkan majikan untuk mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Buruh bagi pekerja tempatan dan pekerja asing, selaras dengan Perintah Pekerjaan 2009 dan Jabatan Buruh tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas sekiranya didapati

majikan melakukan kesalahan berkenaan.

Orang ramai bolehlah menghubungi talian Hotline Jabatan Buruh iaitu +673 7298989 atau di talian Darussalam 123 jika mempunyai sebarang maklumat mengenai penyalahgunaan Lesen Pekerja Asing atau sebarang

pertanyaan mengenai isu perburuhan.

Lawatan Bersepadu tersebut merupakan kali pertama diadakan bagi tahun 2019 dan kerjasama tersebut akan diteruskan lagi di masa akan datang dalam memastikan kesejahteraan pekerja di negara ini terjaga.



TABUNG Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan dengan kerjasama Jabatan Buruh semasa mengadakan Lawatan Bersepadu ke premis-premis perniagaan di kawasan Batu Bersurat, Daerah Brunei Muara dan sekitarnya.

Program Sua Muka tingkatkan hubungan dua hala kerajaan - rakyat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - Program Sua Muka atau lebih dikenali Personal Contact yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan diteruskan lagi pada hari ini bagi Kampung Lambak 'A'.

Perjumpaan diadakan di kediaman Pemangku Ketua Kampung Lambak 'A', Awang Haji Ibrahim bin Haji Abd. Rahman di Kampung Lambak 'A'.

Mengetuai rombongan jabatan, Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.

Antara yang hadir semasa perjumpaan tersebut, Pemangku Ketua Kampung Lambak 'A' dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) juga penduduk-penduduk kampung.

Program, antara lain bertujuan

untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan - rakyat dan rakyat - kerajaan, selain menyampaikan maklumat (isu-isu semasa) dan dasar kerajaan, di samping menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Ia juga bertujuan bagi membarigakan maklumat dan program juga perkembangan dan kemajuan mukim melalui akhbar Pelita Brunei.

Antara isu-isu yang dibangkitkan, mengenai penyediaan prasarana dan kemudahan awam, hal ehwal kebajikan, keselamatan dan perekonomian penduduk tempatan.

Pihak jabatan juga mengongsikan maklumat seperti petikan-petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyentuh mengenai hubungan raja dengan



PROGRAM Sua Muka atau lebih dikenali Personal Contact yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan diadakan di kediaman Pemangku Ketua Kampung Lambak 'A', Awang Haji Ibrahim bin Haji Abd. Rahman di Kampung Lambak 'A'.

rakyat; perekonomian, kesejahteraan dan pembangunan hidup rakyat dan negara; Bendera Negara, Akta berkaitan berita palsu; mengamalkan sikap bergotong-royong dalam isu

kebersihan dan program-program jabatan di bawah Unit Hubungan Masyarakat.

Kampung Lambak 'A' mempunyai seramai 4,750 orang (setakat Banci Penduduk Tahun

2018) dan keluasan sebesar 6.075 kilometer persegi.

Sementara produk hasil kampung berkenaan yang diusahakan oleh MPK ialah Kraf Tangan (Tenunan).

Mempromosikan penBORNEO sebagai destinasi pilihan

Siaran Akhbar : Pusat Sejarah Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - Program Sesi Ceramah@penBORNEO Siri Ke-7 merupakan projek tahunan anjuran Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (penBORNEO), Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Program Sesi Ceramah@penBORNEO Siri Ke-7 sebagai salah satu usaha untuk membariga kepentingan sejarah serta mempromosikan penBORNEO sebagai destinasi pilihan untuk membuat kajian dan penyelidikan Borneo selaras dengan visi dan misi penBORNEO.

Antara objektif Program Sesi Ceramah@penBORNEO Siri Ke-7 ini adalah memberi kefahaman yang jelas kepada pegawai-pegawai kerajaan dan mahasiswa-mahasiswi serta orang ramai tentang kepentingan ilmu sejarah untuk dipelajari dan dikaji.

Di samping itu, ia juga dihasratkan dapat memberikan pendedahan dan menarik minat generasi belia untuk membuat kajian dan penyelidikan di penBORNEO serta memberikan peserta kemahiran berfikir dan menganalisa fakta sejarah secara rasional, membuka minda untuk meminati sejarah dan merangsang peserta untuk memberikan respons atau feedback.

Menerusi program seumpama ini juga, penceramah boleh memberikan wawasan yang luas daripada sumber rekod yang terdapat di penBORNEO

khususnya manuskrip sesuai dengan tema Sesi Ceramah@penBORNEO kali ini iaitu "Manuskrip Islam di Borneo".

Para jemputan untuk Sesi Ceramah@penBORNEO kali ini adalah terdiri daripada beberapa pegawai daripada jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan; Jabatan Mufti Kerajaan; pensyarah-pensyarah serta mahasiswa-mahasiswi institusi pengajian tinggi iaitu UNISSA, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Universiti Brunei Darussalam serta guru-guru sejarah daripada sekolah-sekolah menengah kerajaan.

Pada program yang berlangsung di Pusat Pengkajian Borneo, Simpang 394, Blok 31, Bangunan Flat Kerajaan Anggrek Desa, Jalan Berakas, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Diikuti dengan ceramah bertajuk "Sumbangan Peradaban Arab-Islam Terhadap Kebudayaan Melayu Melalui Manuskrip Jawi-Borneo" yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Profesor Adjung daripada Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA, Profesor Dr. Mahyudin bin Yahaia.

Acara diteruskan dengan lawatan ke mini pameran dan ke ruang rujukan penBORNEO untuk melihat perkhidmatan rujukan serta bahan-bahan rekod yang terdapat di penBORNEO.

DBP 'bedudun' ke Sekolah Rendah Panaga

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

SERIA, Sabtu, 17 Ogos. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menganjurkan Hari Terbuka sebagai salah satu usaha DBP, khususnya Bahagian Perpustakaan untuk meningkatkan penggunaan perpustakaan dan sekali gus mempromosi perkhidmatan juga kemudahan yang disediakan kepada orang ramai.

Antara aktiviti yang diadakan pada Hari Terbuka DBP, mengadakan acara 'bedudun' dengan mengunjungi Sekolah Rendah Panaga, di sini.

Pelbagai aktiviti dikendalikan semasa acara tersebut yang memberikan peluang kepada guru-guru juga murid-murid dari Tahun 1 hingga Tahun 5 untuk menyertai aktiviti yang disediakan sambil membeli buku-buku terbitan DBP.

Acara yang dikendalikan menunjukkan betapa pentingnya perpustakaan dalam menjadi media utama untuk menyebarkan dan mendapatkan sumber maklumat, selain berperanan dalam menyampaikan peranan juga fungsi perpustakaan menggalakkan budaya membaca

pada era teknologi masa kini.

Dengan adanya acara seumpamanya dihasrat akan dapat menggalakkan masyarakat mesra perpustakaan dan merealisasikan Wawasan Negara 2035 ke arah melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu pengetahuan, bermaklumat dan berdaya saing.

Ia juga dihasratkan dapat membina publisiti dan promosi berterusan bagi meningkatkan kesedaran program galakan membaca.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama kakitangan DBP, Pengiran Hajah Rosenani binti Pengiran Haji Halus berkata, Hari Terbuka DBP mendedahkan para pelajar bahawa DBP juga berusaha membantu menambah pengetahuan dan menambah minda pelajar, selain usaha yang dilaksanakan oleh guru-guru di sekolah.

Sementara itu, dalam tinjauan Pelita Brunei ke Perpustakaan Seria mendapati bahawa aktiviti Hari Terbuka DBP bermula hari ini dengan mengadakan aktiviti bersesuaian bagi merapatkan lagi hubungan dalam kalangan



KAKITANGAN Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Hajah Rosenani binti Pengiran Haji Halus.

kakitangan dan pengunjung perpustakaan.

Pelbagai pertunjukan dan pameran diunkayahkan bagi penyertaan para pengunjung, selain memberi peluang kepada para belia untuk mempromosikan jualan aneka barangan, makanan dan minuman.

Aktiviti yang diunkayahkan oleh DBP sejak tahun 2015 itu diharap akan dapat membuka mata masyarakat mengenai keberadaan Perpustakaan DBP Seria yang tidak diketahui lokasinya.

Pelita Brunei juga menemubual Pembantu Perpustakaan Tingkat I, Perpustakaan DBP Seria, Dayang Norhafizah binti Mustaffa yang berkata, usaha seumpama itu dihasrat akan dapat menarik minat orang ramai untuk lebih kerap berkunjung ke perpustakaan dan dapat meningkatkan kesedaran akan pentingnya membaca dalam kehidupan seharian kerana tidak semua maklumat yang diperoleh daripada internet adalah benar.



PAMERAN buku-buku terbitan DBP di Dewan Sekolah Rendah Panaga mendapat perhatian pengunjung.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIRAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 61/08/19 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 19 OGOS 2019

TARIKH TUTUP: 02 SEPTEMBER 2019

1. PEGAWAI KEWANGAN B.2 EB.3 BAHAGIAN II JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KEKOSONGAN = ENAM (06)	2. KERANI SULIT C.1-2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KEKOSONGAN = TIGA (03)	3. PENTERJEMAH UNDANG-UNDANG B.2 EB.3 BAHAGIAN II UNIT PERUNDANGAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = SATU (01)
4. PEGAWAI HAL EHWAL MASJID B.2 EB.3 BAHAGIAN II JABATAN HAL EHWAL MASJID KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = DUA (02)	5. PEGAWAI PELAJARAN G.13 BAHAGIAN II INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = TUJUH (07)	6. PEMBERSIH ASRAMA F.1-2-3 EB.4 BAHAGIAN V UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN = DUA (02)

7. PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAAN
C.3-4 EB.5
 BAHAGIAN III
 JABATAN-JABATAN KERAJAAN
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KEKOSONGAN = SATU (01)

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 63/2019 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 19 OGOS 2019

TARIKH TUTUP: 09 SEPTEMBER 2019

1. PENOLONG PENGARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA KUMPULAN 2 BAHAGIAN I JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA KEMENTERIAN PERTAHANAN KEKOSONGAN = SATU (01)	2. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I B.3 BAHAGIAN II LEMBAGA TAWARAN KECIL, DIVISYEN PENGURUSAN KORPORAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEKOSONGAN = SATU (01)
--	---

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Quicklinks* dan *FAQ'S* di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

NOTIS SEBUT HARGA

TENDER NO. :
KSSUP / BDP / SH / 01 / 2019 - 2020
THE SUPPLY AND DELIVERY OF
CONFERENCE BAGS FOR 41ST ASEAN
MINISTERS OF AGRICULTURE AND
FORESTRY (AMAF) AND RELATED
MEETINGS, BANDAR SERI BEGAWAN,
BRUNEI DARUSSALAM

Bayaran Tawaran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis, 22 Ogos 2019 (jam 2.00 Petang)

1. SEBUT HARGA ini adalah dipelawa kepada semua pembekal dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 4, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

3. Setiap syarikat / pembekal adalah dikehendaki untuk menyertakan dan menghadapkan salinan SIJIL PENDAFTARAN AKTA NAMA-NAMA PERNIAGAAN 16 & 17 (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran sebut harga sebanyak BND5.00 (tidak dikembalikan).

4. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari Bahagian Dasar dan Perancangan, Tingkat 5, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam dengan membuat pembayaran terlebih

dahulu pada waktu-waktu pejabat yang ditetapkan.

Isnin hingga Khamis, dan Sabtu
 7.45 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
 1.30 Petang hingga 3.00 Petang

5. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, seperti berikut :

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Peti Sebut Harga, Tingkat Bawah
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.
Rujukan :
KSSUP / BDP / SH / 01 / 2019 - 2020
Tarikh Tutup : 22 Ogos 2019

6. Jika pihak Tuan / Puan tidak menerima sebarang jawapan mengenai tawaran ini dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh tutup, bermakna penyertaan Tuan / Puan adalah tidak berjaya.

Para pembekal yang berhasrat menyertai sebut harga ini disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen sebut harga iaitu di Bahagian Dasar dan Perancangan, Tingkat 5, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



MAHKAMAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERINTAH ACARA MAL
MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

SAMAN GANTIAN

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA
DALAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SAMAN NO. :
BM / MRS / MAL-A / P012A / 379 / 05-2019

DI ANTARA

HJH. JAINAH BINTI HJ. OTHMAN
 - Plaintiff (Pemohon)

DAN

AMIR BIN ABDUL LATIF
 - Defendan (Responden)

KEPADA :
AMIR BIN ABDUL LATIF
NO. KAD PENGENALAN : 00-268018 (KUNING)
BERALAMAT :
LOT 2817, SIMPANG 338, JALAN SINGA MENTERI
KAMPUNG PANDAN, KUALA BELAIT
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KAMU adalah dengan ini di saman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan **Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara** pada **Isnin** pada **25 Zulhijah 1440H / 26 Ogos 2019M**, pukul **9.00 Pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintiff yang dinamakan di atas, bagi **Tuntutan Cerai Fasakh**.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintiff suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh : 15 Zulkaedah 1440H / 18 Julai 2019M.

(METERAI)

Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT KOMANWEL, LONDON

Jawatan :

1. Partnerships Officer
Tarikh Tutup : 22 Ogos 2019

Jawatan :

2. Programme Officer (Innovation)
Tarikh Tutup : 23 Ogos 2019

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah memohon melalui e-mel : dio@mfa.gov.bn

JAWATAN KOSONG DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU NEW YORK

Jawatan :

1. Assistant Secretary-General (ASG) and
Director Regional Bureau for Asia and Pacific (RBAP)
Tarikh Tutup : 23 Ogos 2019

Jawatan :

2. Special Assistant
United Nations Multidimensional Integrated Stabilization
Mission in Mali (MINUSMA)
Tarikh Tutup : 26 Ogos 2019

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah memohon melalui e-mel : dio@mfa.gov.bn



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

THE following tender is opened for interested participants.

**TO DEVELOP AND OPERATE A
CAFÉ ON APPROXIMATELY 1,200
SQUARE FEET AT ARRIVAL HALL
OF BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT**

Reference:
DCA / MKG / 2019 / T4

Document can be purchased at :
**Finance Section
Ground Floor
Department Of Civil Aviation
Brunei Darussalam**

Note :
- Open Monday to Thursday and Saturday.
- 8.30 AM until 11.00 AM and 2.00 PM until 3.00 PM.
- Proponents must wear appropriate attire.
- Proponents must bring along valid IC or passport.

**Document fee :
BND30.00 only
(Non-Returnable)**

**Opening Date :
Wednesday, 14th August 2019**

**Information day :
Monday, 26th August 2019
(subject to any changes will be notify)**

**Closing date :
Tuesday, 10th September 2019, 2.00 PM**

Submission to :

**Chairman of Mini Tender Board
Ministry of Transport
and Infocommunications
Negara Brunei Darussalam
(LTK Box at MTIC Building)**

2. Participants must submit all documents required that are stated in this tender document.

3. Participants must comply with all regulations, terms and conditions stipulated in this tender document.

4. Tenders should be submitted by in a plain sealed envelope, bearing no indication of the name or logo of the tenderer, marked :

Name :
**TO DEVELOP AND OPERATE A
CAFÉ ON APPROXIMATELY 1,200
SQUARE FEET AT ARRIVAL HALL
OF BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT**

Reference :
DCA / MKG / 2019 / T4

Closing date :
**Tuesday, 10th September 2019
2.00 PM**

Address:
**Chairman of Mini Tender Board
Ministry of Transport
and Infocommunications
Negara Brunei Darussalam**

5. The government of Brunei Darussalam does not bind itself to accept the highest / lowest or any tender. The precedence in the evaluation will be based on that company's reputation, image, quality of services to be offered, experience and fulfilment of the tender requirements.



**BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**TAJUK SEBUT HARGA :
KONTRAK PENGGAL TIGA
(3) TAHUN BAGI PERKHIDMATAN
MEREKA BENTUK 'BANNER'
SERTA PENGHANTARAN DAN
PEMASANGAN DI KEM LATIHAN
PROGRAM KHIDMAT BAKTI
NEGARA (PKBN), BATU APOI,
TEMBURONG**

**BILANGAN SEBUT HARGA :
05 / OGOS / KKBS / BKBN / 1.40 / 19**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat / pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen sebut harga boleh diperoleh di Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja.

3. Yuran sebut harga adalah BND10.00 sahaja bagi setiap sebut harga dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang sah (*bona-fide-tender*).

4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN] semasa waktu bekerja melalui talian +673 2340045 yang bertempat di Ibu Pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara Blok 18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerik Desa, Jalan Berakas, BB3713, Negara Brunei Darussalam.

5. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan rujukan Bilangan - 05 / OGOS / KKBS / BKBN / 1.40 / 19 dan Tajuk Tawaran - KONTRAK PENGGAL TIGA (3) TAHUN BAGI PERKHIDMATAN MEREKA BENTUK 'BANNER' SERTA PENGHANTARAN DAN PEMASANGAN DI KEM LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN), BATU APOI, TEMBURONG serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama syarikat / pembekal dengan dialamatkan kepada Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.

6. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di :

**Tingkat 1
Ruang Masuk / Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)**

**Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.
[PETI TAWARAN BERWARNA BIRU]**

Tidak lewat jam 2.00 Petang,
Khamis, 22 Ogos 2019.

7. Tarikh terakhir mengambil dokumen sebut harga adalah pada **Rabu, 21 Ogos 2019, jam 2.00 Petang**.

8. Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

9. Sebelum dokumen sebut harga dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran sebut harga dengan kadar yang telah ditetapkan.

10. Sebut Harga mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang sebut harga yang telah disediakan. Sebut Harga yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

11. Setiap borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran (seperti kenyataan para 9) dan salinan resit pembayaran yuran sebut harga (seperti kenyataan para 3).

12. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh pegawai, kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

14. Ke semua syarikat / pembekal yang mengambil bahagian dalam sebut harga adalah DIMESTIKAN untuk hadir ke 'Taklimat Sebut Harga' pada **Sabtu, 17 Ogos 2019, jam 10.00 Pagi** di Ibu Pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN], Blok B18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerik Desa, Jalan Berakas BB3713, Negara Brunei Darussalam. (sebarang perubahan akan dimaklumkan kemudian).

15. Syarikat / Pembekal yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperoleh akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang ditetapkan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).



**OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

MAKLUMAN SEBUT HARGA

**BILANGAN SEBUT HARGA :
KKBS / OBBD / F - 004
(07 - 2019 / 2021)**

**TERM CONTRACT (2 YEARS)
CLEANING (BUILDING AND
COMPOUND) AND GRASS
CUTTING FOR OUTWARD BOUND
BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
IN BATANG DURI AND BELALONG
CAMP, TEMBURONG DISTRICT.**

**TARIKH AKHIR
MENGAMBIL BORANG :
SELASA, 27 OGOS 2019**

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
KHAMIS, 2 OGOS 2019
JAM 2.00 PETANG**

1. SEBUT HARGA ini adalah dibukakan kepada syarikat / pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

2. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat berikut :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Tingkat 1, (Lobi / Penyambut Tetamu)
Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BB8110
Negara Brunei Darussalam.
(Peti Sebut Harga Berwarna Hijau)**

3. Sebut Harga hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada **Khamis, 29 Ogos 2019;**

4. Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan;

5. Tarikh terakhir mengambil borang sebut harga ini ialah pada **Selasa, 27 Ogos 2019;**

6. Bayaran menyertai sebut harga ini adalah

sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan);

7. Sebut harga yang lengkap hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang disediakan dan tertutup rapi dengan menyatakan tajuk, tarikh tutup serta bilangan sebut harga yang berkenaan. Sampul surat hendaklah dihantar ke alamat yang disebutkan di para 2 tanpa menyatakan nama syarikat / pembekal;

8. Syarikat / Pembekal yang berhasrat menyertai sebut harga ini MESTILAH memiliki lesen yang dikeluarkan oleh autoriti yang bersesuaian / berkaitan;

9. Syarikat / Pembekal hendaklah berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 dan telah mematuhi peruntukan di bawah Bab 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35 dengan menyertakan sijil pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan;

10. Sebut harga mestilah dihantar dengan lengkap berserta borang-borang yang telah disediakan dan salinan sijil-sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan resit pembayaran;

11. Syarikat / Pembekal yang mengikuti sebut harga ini perlu menghadiri sesi taklimat penerangan berkenaan skop kerja pada **Isnin, 26 Ogos 2019 jam 9.30 Pagi** bertempat di alamat seperti berikut :

**Kem Outward Bound
Brunei Darussalam (OBBD)
Jalan Batang Duri
Temburong
Negara Brunei Darussalam**

Nota : Pihak OBBD berhak menolak atau tidak akan mempertimbangkan sebut harga syarikat / pembekal yang gagal menghadiri sesi taklimat jika diperlukan.

12. Untuk penerangan lanjut sila hubungi :

**Pembantu Operasi Kanan II
Outward Bound Brunei Darussalam
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Di talian : +673 2382970 /
+673 2382971 (waktu bekerja)**



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0029 / 2019**

**TAJUK SEBUT HARGA :
REPAIRING AND PATCHING
WORKS FOR FISHERIES PATROL
VESSEL (KP LAMADING - BG0295)
OF ALUMINIUM HULL / DIESEL
FUEL TANK INCLUDING
POWER-UP ENGINE, REPLACING
SAFETY EQUIPMENTS AND
SEAWORTHINESS REQUIREMENTS**

1. SEBUT HARGA hendaklah dialamatkan dan dimasukkan kepada :

**Peti Sebut Harga
Jabatan Perikanan
Di Bangunan Jabatan Perikanan
Simpang 287-53
Jalan Peranginan Pantai Serasa
Muara, BT1728
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam.**

2. Sebut Harga hendaklah dihantar tidak lewat pada **Isnin, 2 September 2019, jam 2.00 Petang**. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Sebut Harga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul

surat.

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen sebut harga, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam di talian +673 2770068, dan pembayaran dokumen sebut harga di Tingkat Bawah, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja :

**Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.30 Petang hingga 3.00 Petang**

5. Yuran sebanyak **BND5.00** bagi satu tajuk sebut harga adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga tidak munasabah.

7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenal / Pasport dan Daftar Pemilik Syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang sebut harga.

8. Dokumen-dokumen sebut harga boleh didapati mulai **Rabu, 14 Ogos 2019.**

9. Syarikat / pemborong mestilah mempunyai **sijil daripada Jabatan Laut (MPA) Class 2 (Category : MSA, MSB, MEA, MED, MEE, MEF and MNB).**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 18 / 2019

**REPLACEMENT OF WATER TANK,
WATER SUPPLY PUMP AND
REPAIR WORKS TO WATER TANK
TOWER AT BANGAR CAMP**

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS :
II & KE ATAS

**KATEGORI KA 01, B01, E01
and / or E02**

TEMPOH PENYIAPAN :
DUA (2) BULAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 3 September 2019.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada Jumaat, 30 Ogos 2019, jam 10.30 Pagi.

b. Penender adalah dikehendaki membayar Bayaran Tawaran di Bangunan Arkib aras bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BS3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran
hari-hari biasa :**
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi

c. Penender adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak

berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bon-fide tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemas kini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran :

i. Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16 / 17 / Form X;

ii. Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan dikemas kini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;

iii. Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (Tax Compliance Certificate) dari Kementerian Kewangan yang terkini dan sah;

iv. Statement of Annual Returns yang terkini dan sah;

v. Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah).

Kegagalan penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut di atas boleh menyebabkan tawaran yang dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

e. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

f. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

g. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

h. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

i. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.



**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

BIL. TAWARAN :
**JAPEM / 2019 [PEMBUANGAN
SAMPAH / FLAT-KRK-PB]**

PERKARA :
**PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN SAMPAH BAGI
(1) PUSAT BAHAGIA, PULAIE;
(2) KOMPLEKS RUMAH
KEBAJIKAN DAN FLAT STAFF
BELIMBING SPG. 421;
(3) FLAT PENEMPATAN
SEMENTARA BELIMBING SPG. 564,
JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
(2 TAHUN)**

Syarat-syarat tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh semasa waktu pejabat, di Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia & Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

3. Borang tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan, jika ada pembetulan dibuat dengan menggunakan 'blanco' hendaklah di tandatangan dan cap syarikat dikehendaki.

4. Pemborong hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

5. Bayaran *tender fee* sebanyak BND5.00 satu (tidak dikembalikan) akan dikenakan kepada pemborong-pemborong yang

memasuki tawaran ini dan hendaklah dijelaskan ke Bahagian Hasil, Bantuan Am Tingkat 1, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan salinan resit pembayaran tersebut hendaklah disertakan bersama borang tawaran.

Waktu bagi menerima bayaran :
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.30 Petang
Sabtu
9.30 Pagi hingga 11.00 Pagi

****Tarikh terakhir menerima pembayaran ialah pada Rabu, 4 September 2019.**

6. Borang tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat, tetapi hendaklah menyatakan bilangan & tajuk tawaran projek dengan jelas, (satu sampul surat bagi satu tawaran) dan hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di alamat :

**Peti Sebut Harga
Tingkat 2
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan, BC4415.**

7. Tawaran hendaklah sampai ke alamat seperti yang dinyatakan tidak lewat pada **Rabu, 4 September 2019, jam 2.00 Petang** dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh seperti yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Syarat-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan mengikut kelas dan kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kota Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.

3. Bagi syarikat / pemborong yang berminat untuk mengikuti tawaran sebut harga hendaklah menyertakan dan menghadapkan salinan **Sijil Pendaftaran 16 dan 17** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat, Jabatan Peguam Negara, Negara Brunei Darussalam juga menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam yang masih sah laku.

4. Semua tawaran hendaklah dimasukkan

ke dalam **Peti Kotak Sebut Harga, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.**

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini disarankan untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 112 / 2019

TAJUK :
**ANTI-TERMITE TREATMENT
WORKS TO MASJID PADUKA SERI
BEGAWAN SULTAN OMAR ALI
SAIFUDDIEN, KG. KATIMAHAR,
BRUNEI AND MUARA DISTRICT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH TUTUP :
RABU, 28 OGOS 2019, 2.00 PETANG

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

KATEGORI
KPB 05 SAHAJA



**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

TENDER NO. :
RTB / K / 82 / 19 - 20
**MONTHLY PREVENTIVE
MAINTENANCE & SERVICING
OF TWO (2) UNITS KONE
MONOSPACE, MOTOR ROOMLESS
LIFTS AT RTB HEADQUARTER
FOR PERIOD OF THREE (3) YEARS**

Bayaran Tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
4 September 2019 (jam 2.00 Petang)

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong-pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar **KPME02 Lif dan Eskalator** di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan

ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

Kepada :
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BB8610
Negara Brunei Darussalam.
Rujukan :
RTB / K / 82 / 19 - 20
Tarikh Tutup : 4 September 2019**

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui faksimile +673 2226773 atau e-mel ke sebutharga.rtb@rtb.gov.bn **tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.**

5. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 4 September 2019, jam 2.00 Petang.**

6. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).



**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 75 / 19 - 20
PEMBELIAN RANCANGAN
LUAR NEGERI
GENRE : TALKSHOW
DAN DOKUMENTARI

NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 76 / 19 - 20
PEMBELIAN RANCANGAN
LUAR NEGERI
GENRE : KANAK-KANAK DAN
DRAMA INGGERIS (HIGH RATED)

NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 77 / 19 - 20
PEMBELIAN RANCANGAN
LUAR NEGERI
GENRE : MAJALAH, VARIETY SHOW
DAN FACTUAL ISLAMIC

NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 78 / 19 - 20
PEMBELIAN RANCANGAN
LUAR NEGERI
GENRE : TAYANGAN GAMBAR
INGGERIS

Bayaran setiap Sebut Harga :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup setiap Sebut Harga :
4 September 2019 (jam 2.00 Petang)

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pengedar-pengedar rancangan dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Bahagian Kewangan, Kompleks Radio dan Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei**

Darussalam dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BB8610
Negara Brunei Darussalam.

Rujukan :
(Sila tulis No. Sebut Harga seperti yang dinyatakan di atas)
Tarikh Tutup : 4 September 2019

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui e-mel ke

sebutharga.rtb@rtb.gov.bn tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

5. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 4 September 2019, jam 2.00 Petang.**

6. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi **Ketua Seksyen Perancangan dan Siaran TV, Hajah Hasiah binti Ali, di talian +673 2384514 dan Ketua Unit Perolehan Rancangan Luar Negeri, Hajah Aisah binti Haji Jaafar di talian +673 2384513.**

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).



**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 72 / 19 - 20
PENGAMBARAN DAN
PENYUNTINGAN PROGRAM
MAJALAH TV, BAHAGIAN
RANCANGAN TV, RTB

NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 73 / 19 - 20
PENGAMBARAN DAN
PENYUNTINGAN PROGRAM
DAKWAH TV, BAHAGIAN
RANCANGAN TV, RTB

NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 74 / 19 - 20
PENGAMBARAN DAN
PENYUNTINGAN PROGRAM
HIBURAN TV, BAHAGIAN
RANCANGAN TV, RTB

NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 79 / 19 - 20
PENGAMBARAN DAN
PENYUNTINGAN PROGRAM
DRAMA TV, BAHAGIAN
RANCANGAN TV, RTB

Bayaran setiap Sebut Harga :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup setiap Sebut Harga :
4 September 2019 (jam 2.00 Petang)

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pengedar rancangan dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan Radio dan Televisyen Brunei (RTB), Bandar Seri**

Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BB8610
Negara Brunei Darussalam.

Rujukan :
(Sila tulis No. Sebut Harga seperti yang dinyatakan di atas)
Tarikh Tutup : 4 September 2019

Bagi syarikat luar negara bolehlah

mengembalikan sebut harga melalui e-mel ke sebutharga.rtb@rtb.gov.bn tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

5. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 4 September 2019, jam 2.00 Petang.**

6. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi **Penerbit Eksekutif, Awg. Al-Fayyadh bin Metusin di talian +673 8234764.**

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).



**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

TENDER NO. :
RTB / K / 83 / 19 - 20
SUPPLY, DELIVERY, INSTALL,
CONFIGURE, TESTING AND
COMMISSIONING OF PABX
TELEPHONE SYSTEM FOR
BUKIT SUBOK STATION

Bayaran Tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
4 September 2019 (jam 2.00 Petang)

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong-pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri

Begawan, seperti berikut :

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BB8610
Negara Brunei Darussalam.

Rujukan :
RTB / K / 83 / 19 - 20
Tarikh Tutup : 4 September 2019

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui faksimile +673 2226773 atau e-mel ke sebutharga.rtb@rtb.gov.bn tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

5. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 4 September 2019, jam 2.00 Petang.**

6. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

BILANGAN SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / JKS / 04 / 2019 - 2020

MEMBEKAL, MENGHANTAR,
MEMASANG DAN MENGUJI
KOMPUTER DESKTOP BAGI
SEKOLAH-SEKOLAH ARAB DAN
UGAMA DI BAWAH JABATAN
PENGAJIAN ISLAM,
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA, TAHUN 1440H-1441H /
2019M-2020M

SYARAT-SYARAT, PANDUAN
DAN MAKLUMAT :

1) SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2) Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan tidak akan diterima kecuali mendapat surat kebenaran untuk berniaga daripada Jabatan Perdana Menteri.

3) Pemohon hendaklah membawa bersama **SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** tersebut dan **CAP SYARIKAT** semasa mengambil borang tawaran sebut harga.

4) Borang sebut harga boleh diperoleh di Bahagian Kewangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tingkat 4, Blok 2 I, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311, Negara Brunei

Darussalam.

5) Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

6) Borang sebut harga serta **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) menulis dengan jelas tajuk sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Syarikat dan dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA yang ditujukan kepada :

PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA
TINGKAT 1
BAHAGIAN KEWANGAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA
JALAN MENTERI BESAR, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.


Tarikh akhir mengambil
borang sebut harga :
25 Zulhijah 1440H / 26 Ogos 2019M
(Isnin) tidak lewat jam 4.00 Petang

Tarikh tutup tidak lewat pada :
27 Zulhijah 1440H / 28 Ogos 2019M
(Rabu)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

7) Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran sebut harga :

Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.30 Pagi hingga 1.00 Petang

Mercu tanda Negara Zikir



Oleh : Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor
Foto : Jabatan Penerangan

HASRAT murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendak menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir memang bertepatan dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Rakyat dan penduduk negara ini menjunjung tinggi hasrat baginda itu yang mana terlaksananya Majlis Khatam Al-Quran 73 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda Ke-73 Tahun bagi Tahun 2019 dengan penyertaan 1,708 peserta yang berlangsung pada Khamis, 15 Ogos 2019 di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman tetap menjadi

sinaran sejarah bagi negara bertuah ini.

Seramai 854 peserta lelaki dan 854 peserta perempuan dari keempat-empat daerah menyertai Majlis Khatam tersebut terdiri daripada 263 lelaki dan perempuan dewasa, 263 belia dan beliawanis serta 582 kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah Arab, Sekolah Al-Falah, Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja dan 600 peserta di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Di samping itu, acara yang memberi nilai tambah kepada Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda adalah berkat kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana titah baginda itu menjadi perangsang penyuntik semangat untuk acara keagamaan diteruskan dengan penyertaan pembaca-pembaca Al-Quran di negara ini tampil dan terpilih mewakili mukim dan kampung, sekolah dan kumpulan-

kumpulan daripada kalangan dewasa, remaja dan kanak-kanak.

Maka ia menjadi satu petanda baik yang sangat jelas betapa wawasan Kebawah DYMM untuk menyebarluaskan pembacaan Al-Quran dalam kalangan rakyat sedang bersemarak ke arah menjadi satu mercu tanda Negara Brunei Darussalam sebagai negara MIB yang berpaksikan konsep Negara Zikir.

Keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha setentunya akan menjadi ristaan baik sejarah diraja negara kita yang mana Istana Nurul Iman turut menjadi pusat kegemilangan Islam dan menjadi inspirasi kepada generasi Brunei untuk kekal teguh berpegang kepada agama yang telah mendatangkan rahmat dan berkat kepada kesinambungannya sebagai negara berpemerintahan beraja yang berdaulat, menaungi nusa, memimpin rakyat dan kekal bahagia.

Zahirkan Kesyukuran

Majlis seumpama itu juga adalah bagi menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini atas limpah

rahmat, nikmat dan berkat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah menjadikan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera serta rakyat dan penduduknya hidup bahagia, harmonis dan bersatu padu di bawah kepimpinan bijaksana baginda, di samping sifat baginda dan yang berjiwa rakyat bersama Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri semasa majlis berziarah bersama para peserta Khatam Al-Quran.

Justeru, melalui pembacaan dan pengkhataman kitab suci Al-Quran pada peringkat akar umbi dan orang ramai ini adalah juga merupakan kesyukuran atas nikmat dan berkat usia yang telah dikurniakan dan dilanjutkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada baginda.

Majlis Pelancaran Pembacaan Al-Quran 73 Kali Khatam ini telah pun diadakan serentak di ke empat-empat daerah pada Khamis, 25 Syaaban 1440 Hijrah bersamaan 2 Mei 2019 Masihi bermula selepas Sembahyang Fardu Asar di mana bagi Daerah Brunei dan Muara ia diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM telah pun bermula sejak tahun 2011.



Sumbangan YSHHB ringankan beban mangsa kebakaran



Siaran Akhbar dan Foto :
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

PEMANGKU Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak (kiri) semasa menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang penerima (kiri), sementara gambar kanan Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Musthapa bin Haji Matahir semasa menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang mangsa yang terlibat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - Selaras dengan dasar penubuhannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) terus melaksanakan aktiviti kebajikan khususnya membantu mereka yang sangat

memerlukannya. Berikutan dengan kejadian kebakaran sebuah rumah di Kampung Sungai Besar yang berlaku pada 15 Ogos lalu hingga mengakibatkan kematian seorang warga emas dan 15

penghuni rumah kehilangan harta benda dan tempat tinggal, YSHHB tampil dengan segera menghulurkan sumbangan dan bantuan bagi meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat.

Majlis penyampaian sumbangan kewangan dan makanan asasi kepada ahli keluarga yang terlibat telah diadakan pada 16 Ogos 2019. Sumbangan dalam bentuk makanan asasi dan

perbelanjaan pengurusan jenazah disampaikan kepada ahli keluarga yang terlibat telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan YSHHB, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Majlis berlangsung di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan.

Sementara itu, sumbangan kewangan kepada 15 ahli keluarga yang terlibat telah disampaikan oleh Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Musthapa bin Haji Matahir di rumah salah seorang ahli keluarga mangsa di Jalan Tanjung Selasih Rancangan Perumahan Negara Mengkubau, Mentiri.

Sumbangan tersebut dihasratkan bagi meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

Tinjau tahap kebersihan kawasan terjejas infestasi lalat

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama pihak Kementerian Kesihatan telah mengendalikan satu lawatan kerja ke kawasan ladang ternakan, ladang-ladang tanaman serta sebahagian kawasan perumahan yang terjejas dengan infestasi lalat di sekitar Kampung Bengkurong-Masin dan Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Batumpu, Kampung Masin Daerah Brunei dan Muara.

Lawatan tersebut disertai oleh pegawai-pegawai daripada pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP; Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan; dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk meneliti tahap kebersihan ladang-ladang di kawasan-kawasan berkenaan dan mengenal pasti sumber-sumber pembiakan lalat dan seterusnya meninjau dengan lebih dekat lagi kawasan-kawasan yang terjejas dengan infestasi lalat di sekitar kampung-kampung berkenaan.

Hasil daripada lawatan tersebut mendapati bahawa tahap kebersihan sebahagian daripada ladang-ladang di kawasan-kawasan berkenaan adalah kurang memuaskan; tidak memenuhi kriteria kebersihan ladang dan terdapatnya sumber-sumber yang menyumbang kepada pembiakan lalat yang tidak terkawal.

Berikutan dengan itu, teguran dan arahan pembaikan telah

diberikan kepada pengusaha-pengusaha yang berkenaan untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membersihkan kawasan ladang masing-masing.

Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga akan mengeluarkan surat amaran kepada pengusaha-pengusaha ladang berkenaan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di sekeliling ladang mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tindakan undang-undang mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada di bawah bidang kuasa agensi-agensi yang berkaitan juga akan diambil jika pihak pengusaha gagal untuk melaksanakan usaha-usaha pembersihan ladang mereka.

Ini termasuklah mengenakan denda kompaun di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggala 30) bagi kesalahan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab.

Mengenaikan denda kompaun atau denda-denda bagi kesalahan-kesalahan sepertimana yang dinyatakan di bawah Perenggan 7, 8, 14, 16, 17, 19, 20, 37 dan 38 Perintah Perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar 2016 atau Environmental Protection and Management Order 2016.

Dalam pada itu, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga akan terus melaksanakan langkah-langkah pembaikan yang telah dipersetujui semasa sesi perjumpaan bersama dengan Penghulu dan Ketua-ketua Kampung, Mukim Pengkalan Batu yang telah diadakan pada hari

Sabtu, 9 Zulkaedah 1440 bersamaan 10 Ogos, 2019 yang lalu.

Pengusaha-pengusaha ladang ternakan dan tanaman di negara ini khususnya di kawasan-kawasan yang terjejas adalah dinasihatkan untuk melaksanakan tindakan dengan segera dari segi pengurusan kebersihan ladang secara menyeluruh bagi mengurangkan tempat-tempat pembiakan musuh perosak dan serangga seperti lalat, demi kesejahteraan pengusaha berkenaan dan penduduk di sekitarnya jua.



KAWASAN membakar sampah yang tidak teratur.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pupuk Kesedaran Budaya Menabung Dalam Masyarakat'. Tarikh Tutup : 21 Ogos 2019
2. 'Tingkat Kesedaran Mengenai Demensia'. Tarikh Tutup : 28 Ogos 2019
3. 'Ubah Minda Ke Arah Meningkatkan Sosioekonomi'. Tarikh Tutup : 4 September 2019

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

IMBASAN MINGGUAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Ogos. - Antara yang hadir memeriahkan Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Ogos. - Sesi perkongsian pengalaman ke arah menggalakkan pembangunan industri kreatif di negara ini. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Ogos. - Antara penuntut-penuntut sekolah yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran 73 kali Khatam di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SUNGAI AKAR, Isnin, 12 Ogos. - Ahli-ahli jawatankuasa membuat kerja kerja gotong-royong bagi majlis korban tersebut. - Foto : Hamzah Mohidin.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Ogos. - Antara yang hadir pada Majlis Ibadah Korban 1440H / 2019M bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) juga jabatan-jabatan di bawahnya. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 Ogos. - Sebahagian aksi pada perlawanan di antara Projek Ikan Pusu (jersi hijau) dan Hawa FT (jersi biru). - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.



منكور دان منصیحي دغن برهیمه دان ییجقسان

ماریلہ کیت برتقوی کھد اللہ سبحانہ و تعالیٰ دغن سبتر-بتر تقویٰ، ملقسانکن سکل قریتھن دان منجاوھی سکل لارغن. سنتیاسلہ کیت برقکغ تکوہ دغن آجارن القرآن دان مغایکوتی سنہ رسول اللہ ﷺ. مدھمدان کیت منجادی انسان یغ برجای، سلامہ دان بهکیا ددنیا دان دأخیره.

مسلمین یغ درحمتی اللہ،

آکام کیت ادالہ آکام یغ سمقورنا. آکام اسلام بوکن ساج میوروہ اومتن انتوق برعبادہ سفرت مندیریکن سمیہیغ، برقواس دان منونیکن حاج، بهکن آکام کیت جوک میوروہ اومتن انتوق سنتیاس منجاک کسجهزان هیدوف، برکر جسام، برساتو-قادو، هیدوف بریایک ۲ دان بنتو-ممبنتو انتارا ساتو سام لاین. اولہ ایت، باکی منجائی توجوان ترسبوت، آکام کیت مغاجر اومتن انتوق سالیغ تکور-منکور دان نصیحة-منصیحي انتارا ساتو دغن یغ لاین.

سسغکوهن تکور-منکور دان نصیحة-منصیحي ایت ادالہ قربواتن یغ ساعہ بایک دان دأنجورکن دالم آکام کیت. سمیغن کیت سبایکی مأنسی بیاس، فرلو مندافہ تکوران دان نصیحة درقد اورغ لاین کران دری تکوران دان نصیحة یتله، کیت اکن دافہ منیلاي دان مېداري کسلافلن، کسلافلن دان کلھن دیری سندیری. درقد تَعِيْمُ الدَّارِي رضى اللہ عنه، رسول اللہ ﷺ برسېدا:

عَنْ تَعِيْمِ الدَّارِي: أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: الَّذِينَ النَّصِيحَةُ فَلَنَا: مَنْ؟
قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَيِّمَةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ.
{رواه الإمام مسلم}

مقصودن:

آکام ایت ادالہ نصیحة. کامی برتان: انتوق سیاف؟ بکندا برسېدا: انتوق اللہ، انتوق کتابن، انتوق رسولن، انتوق قارا قمیقین قوم مسلمین، دان قوم مسلمین سجارا عموم.

فرلو دایغہ، تکوران دان نصیحة یغ هندق کیت سمیقین فرلولہ دلاکوکن دغن فثوہ اداب دان سوغن کران تنقا اداب دان تاناچارا یغ بتول، ای بوکن سھاج بولہ منیمبولکن سالہ قھم، بهکن بولہ منیمبولکن کمارھن سھیغک ممیکن ترجادین فرکادوھن، فرموسوھن دان فرسغکیتان. اولہ ایت، اداب دان سوغن فرلولہ اد دالم منکور، منصیحي، ممیریکن سبارغ کریتیکن، فدافہ دان سبایکن.

کنھویلہ، منکور دان دتکور، قریمانن ادالہ بریذا باکی ستیف ایندیویلو کران تیدق سمو اورغ بولہ منریما سبارغ تکوران، نصیحة دان کریتیکن. تانمکنلہ صفہ برلافغ دادا دان منریما ستیف تکوران دان نصیحة ایت دغن هاتی یغ تربوکا. سلاین ایت، نية کیت هندق منکور دان منصیحي سستورغ ایت جوک مستیلہ بتول، یایت انتوق کبایکن دان بوکنن برتوجوان انتوق مقحکوم، منجاتوھکن مرؤہ، مغھینا، مغھیکن، بردندم، برنیہ بوروق دان سبایکن. اولہ ایت، جارا کیت منکور دان منصیحي جوک فرلولہ برهیمہ، ییجقسان دان جاغلنہ کیت سغھاج منجاری-جاری کلھن دان کعین اورغ لاین. درقد أبو هريرة رضى اللہ عنه، رسول اللہ ﷺ برسېدا:

الْمُؤْمِنُ مِرَّةً أَحَبُّهُ، إِذَا رَأَى فِيهِ عَيْبًا أَصْلَحَهُ {رواه الإمام البخاري}
مقصودن:

سورغ مؤمن ادالہ جرمن باکی سوداران. جک دي ملیھت سوات عیغ فد دیری سوداران، مک دي مغربایکین.

مسلمین یغ درحمتی اللہ،

دالم کھیدوفن این، کیت فرلو منجاک دوا هو بوغن یایت حَبْلٌ مِّنَ اللّٰهِ (هو بوغن دغن مأنسی). اولہ ایت، جاغلنہ دجادیکن تکوران دان نصیحة ایت فیب ترجادین فرسلیسین، کرتغن دان کرغکغن دالم هو بوغن صلہ الرحم. سسغکوهن رامی درقد کیت یغ تیدق فرنہ ممدغ دان مرھاتی اکن ککوراغن دان کیوروقن یغ اد قد دیری کیت سندیری، اکن تنائی کیت سلالو سھاج مغھیتوغ دان مغیرا کلھن دان کیوروقن یغ اد قد دیری اورغ لاین.

یغئلہ، ادالہ لبہ بایک باکی کیت انتوق ممفرتولکن دیری سندیری ترلیہ دھولو سلوم کیت ممفرتولکن دیری اورغ لاین. إمام الشافعی رحمہ اللہ تعالیٰ برکات: سبسر-سبر کعین اتو کیوروقن ادالہ اغکو مغیرا کیوروقن اورغ لاین سلغکن کیوروقن ترسبوت تردافہ دالم دیرعو سندیری.

مسلمین یغ درحمتی اللہ،

ستیف تکوران اتو نصیحة ایت فرلو دتلیي دان دھالوسی، اورغ یغ منکور مستیلہ دالم کادان تنغ دان بوکنن دالم کادان مارہ اتو لیموسی سھیغک ممیکن کیت ملفظکن کات ۲ کسات، دان یغ تیدق سقاتوتن دأوجقن. سمو ایت تیدق اکن دافہ میلسیکن مسئلہ، سبایقن ای هان اکن مغروھکن لاکی کادان، کنھویلہ، تردافہ تاناچارا دان اداب یغ بولہ کیت لیکوتی فرھیان دالم منکور دان منصیحي سستورغ ایت دغن جارا یغ بایک، انتاران:

قرتام: مٹکوناکن کای بهاس یغ قالیغ سسواي یایت لمبوت دان برسوقن. جاغلنہ سسکالی کیت منکور دغن مٹکوناکن نادا سوارا یغ تیغکی دان کای بهاس یغ کاسر کران کیت منکور بوکن انتوق مغھیبوھکن دان مندھکن کعین اورغ لاین تنائی انتوق ممیری کسدران دان کفھن.

سوروهن اللہ سبحانہ و تعالیٰ کھد نبی موسیٰ علیہ السلام دان سوداران هارون انتوق منکور باکی ممفریغتنک راج فرعون دغن برکات لمبوت، بوکن کاسر آکر سدر دان ممیرھنتیکن کظالمن یغ دلاکوکن کأتس رعیتن یغسا قُطِي دمسر قد زمان دھولو. سموک دغن ایت راج فرعون انصاف تاکوتکن اللہ سبحانہ و تعالیٰ. قرمان اللہ سبحانہ و تعالیٰ دالم سورہ طہ آیہ ۴۴:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
فَقُولَا لَهُ: قَوْلًا لِّئِنَّا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى ﴿٤٥﴾ صَدَقَ اللّٰهُ الْعَظِيمُ
تفسیرن:

مک کامو کاتکن کھدن کات ۲ یغ لہ-لمبوت، مدھمدان دي بریغث (سدر) اتو تاکوت (کھد توھن).

کلوا: یلقکنلہ دری منکور کسلافلن اتو کسلافلن دخلايق رامی. لیھتلہ سیتواسی دان کادان، تکورلہ کتیک دي سدغ برسندیرین اتو دتقت یغ ترتوتوف بوکنن دغن جارا یغ بولہ منیمبولکن قراسان مالو کھد اورغ یغ دتکور. إمام الشافعی رحمہ اللہ تعالیٰ برکات: سسیاف یغ منصیحي سجارا سمیری-سمیری، مک ای بر ۲ منصیحي. سسیاف یغ منصیحي مو دخلايق رامی، مک ای سبترن سدغ مغھینامو.

کتیک: تکورلہ دغن جارا یغ ییجقسان دان مٹکوناکن کات ۲ یغ بایک دان برمنقہ اکر تیدق ممیغکوغ قراسان اورغ یغ دتکور، برھاتی-ھاتیلہ دالم ممیلہ فرکتان یغ یلوق دان سسواي اکر اورغ ایت تیدق براس ترھینا دان رندہ دیری. اولہ ایت، بریلہ نصیحة دغن هاتی دان عقل فیکیران بوکنن دغن لیموسی.

کامقہ: ادالہ لبہ یلوق جک دلاکوکن سجارا أمقہ مات یایت دغن جارا برسوکا، بوکنن دغن مٹکوناکن فرانتاران اورغ لاین، مدیا سوسیال سفرت INSTAGRAM, TWITTER, WHATSAPP, FACEBOOK دان سبایکن. اکن تنائی جک کیت ترفقسا جوک مٹکوناکن مدیوم اتو سالورن ترسبوت انتوق ممبوت سبارغ تکوران دان ممیری نصیحة. دالم حال این، کیت فرلولہ برسیکف ییجق دغن ممستیکن بهوا آیہ اتوفون فرکتان یغ هندق دکوناکن ایت ادالہ برسواين. این کران مدیوم اتو سالورن مدیا سوسیال ادالہ تمقت عموم دان تربوکا یغ بولہ ساج منیمبولکن قلبلکی اُنْدِيَان، فنداغن اتو فرسیفسی سمد یغ فوسیتیف ماھوقون یغ نیکاتیف.

کلیم: اورغ یغ منکور هندقلہ ممینتا معاف سلفس ممبوت تکوران کران توجوان ممینتا معاف ایت ادالہ انتوق موجوق هاتی اورغ یغ دتکور سقای جاجن سقمی برکجیل هاتی اتو "برأوسیق هاتی" اتس تکوران یغ تلہ دبریکن.

کاتم: جاجن برسغکا بوروق، سنتیاسلہ برسغکا بایک ترھادف اورغ یغ کیت تکور کران موغیکن ساج مریک ایت جاهل دان تیدق مغھوی تنغ اف یغ مریک لاکوکن ایت ادالہ ساتو کسلافلن دان کسلافلن. درقد أبو هريرة رضى اللہ عنه، رسول اللہ ﷺ برسېدا:

إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ {رواه الإمام البخاري}
مقصودن:

جاوھیلہ کامو دری فراسغکا، کران سسغکوهن فراسغکا ایت ادالہ سبوھوغ-بوھوغ ریکان راس هاتی.

آخرن، بودیاکنلہ عمالن تکور-منکور دان نصیحة-منصیحي سسام کیت دغن جارا یغ بایک، بریودی بهاس، کات ۲ یغ لمبوت دان ییجقسان.

بریلہ تکوران دغن نية یغ إخلاص سمات-مات کران اللہ سبحانہ و تعالیٰ دان دغن جارا یغ فثوہ برهیمہ اکر تکوران ترسبوت دافہ دترما دغن هاتی یغ تربوکا. تریمالہ تکوران دغن برسغکا بایک سقای کیت دافہ ممفربایکی دیری دان مغایرتکن صلہ الرحم سسام کیت. سام-ساملہ کیت بردعاه سموک کیت سمو اکن دافہ هیدوف امان دامي، هرمني، برساتو فادو دان سموک کیت سمو اکن مندافہ کسلامتن دان کسجهزان ددنیا دان جوک دأخیره. آمین یا رب العالمین.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
أَذْعُ لِي سَبِيلَ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّدْ لَهُم بِأَلْفِي هِيَ أَحْسَنُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُنْهَكِينَ ﴿١٢٥﴾
صَدَقَ اللّٰهُ الْعَظِيمُ {سورة النحل آیہ: ۱۲۵}

تفسیرن:

سورلہ کجالن توھنمو (واھي نبی محمد) دغن حکمہ (کییجقسان) دان نصیحة قفاجارن یغ بایک، دان بردتلہ دغن مریک دغن جارا یغ تربایک. سسغکوهن توھنمو، دي یغ لبہ مغھوی سیاف یغ سست درقد جالئن دان دیالہ جوک یغ لبہ مغھوی اورغ ۲ یغ مندافہ فتوجوق.

بَارَكَ اللّٰهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا لَوْ تَهْ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ الْتَّائِبِينَ.

Majlis Resepsi raikan atlet Wushu Remaja Asia Ke-10



PENYAMPAIAN cenderamata kepada tetamu kehormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Ogos. - Sukan Wushu yang sememangnya sebagai sukan yang berkembang pesat dengan potensi yang besar di negara ini, perhimpunan atlet Wushu dari seluruh Asia bagi Kejohanan Wushu Remaja Asia Ke-10 bukan sahaja berfungsi untuk membangunkan sukan ini lebih jauh lagi di Negara Brunei Darussalam dan Asia, malahan merupakan platform bagi semua untuk memupuk ikatan persefahaman antara satu sama lain sebagai satu keluarga besar.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berkata atlet Wushu berada di sini dengan tujuan yang sama iaitu untuk meneruskan legasi kerjasama dalam kemajuan sukan, sekali gus meningkatkan perpaduan antara budaya dan negara kita yang pelbagai.

Semasa berucap pada Majlis Resepsi bagi meraikan atlet Kejohanan Wushu Remaja Asia Ke-10 bertempat di Serambi Suluh Kesenian, Bangunan Pusat Kesenian di ibu negara, Yang Berhormat melahirkan harapan agar para peserta, terutamanya atlet negara akan dapat bersaing dengan semangat muhibah dan

bertanding secara adil antara satu sama lain dalam minggu yang akan datang.

Seramai 398 atlet bersama pegawai pengiring yang merangkumi 18 buah pasukan dari 16 buah negara di rantau Asia mengambil bahagian dalam Kejohanan Wushu Remaja Asia Ke-10 bermula 16 hingga 24 Ogos bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh tujuh peserta lelaki dan enam peserta wanita berumur dari tujuh hingga 16 tahun.

Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam (Wushu Federation of Brunei Darussalam – WUFBD) buat pertama kalinya menjadi hos bagi kejohanan berkenaan.

Pengalaman menunaikan haji jauh berbeza berbanding dulu

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Ogos. - Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dipenuhi oleh kaum keluarga dan sanak-saudara yang mengalu-alukan kepulangan jemaah haji negara bagi penerbangan pertama yang selamat mendarat di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Pelita Brunei sempat menemu bual dua orang jemaah haji yang selamat kembali ke tanah air.

Haji Awang bin Abdul Ghani melahirkan rasa syukur kerana perjalanan mereka sekeluarga serta jemaah haji yang lain sama ada pergi dan juga kembali dalam keadaan selamat.

Menurutnya, pengalaman yang diperolehi sangat jauh berbeza jika dibandingkan dengan hajinya yang pertama iaitu 19 tahun yang lalu kerana hajinya kali ini sangat dipermudahkan.

"Alhamdulillah jika dilihat dari segi perjalanan tempat penginapan menuju ke Masjidil Haram tidaklah terlalu jauh. Apa yang sudah menjadi kebiasaan di sana kalau boleh teruslah dipraktikkan di sini seperti sembahyang berjemaah di masjid tepat pada waktunya," ujarnya.

Sementara itu, Hajah Zarina binti Dato Paduka Haji Abuzar menyatakan pengalaman haji ini memang lain daripada yang lain kerana ini adalah kerana Allah

dan semua yang berlaku adalah rancangan Allah.

"Kita hanya mampu berdoa dan berniat untuk menunaikan fardu Haji dengan mendapat reda Allah agar kita memperoleh Haji yang mabrur dan bertawakal agar dapat mencapai matlamat kita dengan izin-Nya jua," jelasnya.

Alhamdulillah tambahnya, sepanjang berada di sana segala urusan dipermudahkan dan segalanya berjalan dengan lancar seperti yang diharapkan.

Haji kali ini adalah merupakan haji kali kedua buat beliau yang mana beliau pernah menunaikan haji pada tahun 1988.



TEMU bual bersama salah seorang jemaah haji, Haji Awang bin Abdul Ghani.



HAJAH Zarina binti Dato Paduka Haji Abuzar bersama keluarga beliau.

Jana pendapatan menerusi Bandarku Ceria

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Ogos. - Sejak Program Bandarku Ceria diperkenalkan tiga tahun yang lalu iaitu pada 3 Oktober 2016, program tersebut bukan sahaja menghidupkan suasana Bandar Seri Begawan (BSB) malah ia juga memberikan para peniaga peluang untuk perniagaan secara tetap pada setiap hujung minggu bagi menjana pendapatan.

Di sepanjang Jalan Pemanca menuju ke Jalan Pretty di ibu negara, para peniaga yang rata-rata terdiri daripada rakyat dan penduduk tempatan telah hadir seawal jam 4.00 pagi lagi bagi mempersiapkan petak-petak perniagaan masing-masing dengan barang jualan.

Antara barangan yang boleh diperolehi di sini termasuklah barangan pakaian, permainan, makanan dan minuman, di samping perkhidmatan sewaan basikal bermula dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Dalam tinjauan Pelita Brunei bersama beberapa orang peniaga yang menyertai program tersebut, rata-rata memberikan maklum balas yang sangat positif dan menggalakkan.

Dayang Sarifah binti Gani dari Kampung Rimba semasa ditemui berkata, program tersebut bukan sahaja dapat menambah pendapatan tetapi juga dapat mengeratkan silaturahmi memandangkan perniagaan dijalankan bersama keluarga beliau sendiri.

Mula menyertai program tersebut sejak dua tahun yang lalu, beliau menjual pelbagai jenis makanan termasuk kuih-muih buatan sendiri seperti karipap, cucur, popia, nasi lemak dan minuman.

Menyentuh mengenai pendapatan yang diperolehi, menurutnya ia mengikut keadaan iaitu bila ada acara keramaian, pendapatan beliau boleh mencapai

lebih BND300 ke BND400.

Selain menjual di ibu negara, beliau juga menjalankan jualan dari rumah dan juga *online* yang dibantu oleh anak-anak beliau sendiri.

Sementara itu, menurut Awang Suhardy bin Haji Jamahad dari Perpindahan Kampung Rimba yang menjalankan penyewaan basikal, beca dan beca elektrik sejak menyertai program tersebut lebih dua tahun yang lalu, sambutan dari orang ramai termasuk pelancong dari luar negara sangat menggalakkan.

Tambahnya, dengan menyewa perkhidmatan tersebut dengan harga yang berpatutan, para pelancong berpuas hati kerana dapat melihat keunikan ibu negara pada hari minggu dengan mengelilingi kawasan-kawasan ikonik seperti Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Jambatan Raja Isteri Pengiran

Anak Hajah Saleha dan bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Penyewaan pula jelasnya ialah mengikut masa iaitu penyewaan basikal BND5 untuk setengah jam manakala penyewaan beca pula adalah mengikut saiz iaitu untuk dua orang, empat orang dan lapan orang dari setengah jam ke sejam dan beca elektrik pula disewakan untuk setengah jam.

Selain Program Bandarku Ceria, Awang Suhardy juga menyewakan basikal-basikal dan beca di Taman Mahkota Jubli Emas setiap hari bermula dari 4.00 petang hingga ke malam.

Menurutnya lagi, orang ramai juga menyewa perkhidmatan tersebut bagi acara-acara seperti acara perkahwinan iaitu perkhidmatan *shuttle* untuk mereka yang meletakkan kereta dari tempat acara diadakan termasuk di kawasan-kawasan dewan dan rumah persendirian.



TEMU BUAL bersama salah seorang peniaga di Bandarku Ceria, Dayang Sarifah binti Gani.



Awang Suhardi bin Haji Jamahad semasa ditemu bual.

Bincangkan persiapan RBD 2019

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - Sebanyak 12 acara lumba perahu, iaitu enam perlumbaan di sebelah pagi dan enam perlumbaan di sebelah petang akan dipertandingkan pada acara Regata Brunei Darussalam (RBD) 2019 pada Ahad, 25 Ogos 2019 di Perairan Sungai Brunei berhadapan dengan Dermaga Diraja Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi RBD sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73 bagi Tahun 2019 diadakan di Bilik Mesyuarat, Bangunan Jabatan Daerah Brunei Muara, di sini.

Hadir pada mesyuarat tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga memberikan ucapan; Menteri Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penasihat-penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi RBD sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-73 Tahun.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Md. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi RBD.

Mesyuarat antara lain mendengar laporan daripada pengerusi-pengerusi jawatankuasa kerja dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya juga

penerangan daripada Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi RBD, Awang Haji Sueb bin Haji Abdul Malek.

RBD dikendalikan bersama oleh KHEDN, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan sokongan padu daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Enam perlumbaan pada sebelah pagi, termasuklah *fiberglass* di antara daerah-daerah 20 pekayuh, tradisi terbuka 25 pekayuh, *fiberglass* belia-belie umur 30 tahun ke bawah 15 pekayuh, tradisi di antara kementerian-kementerian 25 pekayuh, *fiberglass* di antara syarikat-syarikat swasta 20 pekayuh dan tradisi terbuka 30 pekayuh.

Sementara itu, enam perlumbaan pada sebelah petang pula, iaitu *fiberglass* acara khas 15 pekayuh, *fiberglass* belia-belie umur 30 tahun ke bawah 20 pekayuh, *fiberglass* di antara institusi-institusi pengajian tinggi 15 pekayuh, *fiberglass* maktab-



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Regata Brunei Darussalam ketika berucap pada mesyuarat tersebut.

maktab dan sekolah-sekolah menengah 15 pekayuh, *fiberglass* belia-belie terbuka 20 pekayuh dan tradisi maraton 30 pekayuh.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, KKBS dan KSSUP.

Kejohanan Tarik Kalat Tradisi meriahkan sambutan perayaan



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Juara Kategori 'A', Pasukan Bomba dan Penyelamat.

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

BATU APOI, Sabtu, 17 Ogos. - Kejohanan Tarik Kalat Tradisi sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73,

Tahun 2019 bagi Daerah Temburong diadakan Kompleks Sukan Daerah Temburong, di sini. Sebanyak tiga kategori dipertandingkan semasa kejohanan tersebut.

Bagi Kategori 'A' Berat Badan Berkumpul 750 Kilogram

dimenangi oleh Pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat, diikuti dengan Pasukan Rataie Mukim Bokok 'A' di tempat kedua.

Pasukan MG 5 'A' pula menjuarai Kategori 'B' Berat Badan Berkumpul 800 Kilogram selepas menewaskan Pasukan Polis Daerah Temburong yang menduduki tempat kedua, manakala Pasukan A.L di tempat ketiga.

Manakala bagi Kategori 'C' Remaja Berumur 19 Tahun Ke Bawah dijuarai oleh MG 5 Five Destroya, naib juara disandang oleh GB 12 Kelab Pusat Belia Temburong dan Pasukan Rataie Mukim Bokok Alpha di tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman.

Kejohanan merupakan anjuran Ahli Jawatankuasa Tertinggi Perayaan yang dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Temburong.

Kejohanan Olahraga Terbuka Brunei Master dirasmikan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said (dua, kiri) selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada pasukan India yang memenangi Perbarisan Terbaik.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Ogos. - Kejohanan Olahraga Terbuka Brunei Master bagi Atlet Veteran 2019 mempertandingkan sebanyak 19 acara sukan 19 kategori umur.

Kejohanan selama dua hari yang bermula kelmarin itu dianjurkan oleh Persatuan Atlet Veteran Brunei Darussalam dirasmikan petang ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan perasmian pada acara yang berlangsung di Kompleks Sukan Padang dan Balapan, Berakas, di sini ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Lebih 300 peserta menyertai kejohanan tersebut terdiri dari negara tuan rumah, Sri Lanka, India, Republik Filipina, Republik Singapura, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah, Malaysia.

Antara sukan yang disertai pada kejohanan tersebut ialah Larian 100m; 200m; 400m; 800m; 1000m; 1500m; 5000m dan Lompat Jauh.



ACARA perbarisan lalu daripada para peserta yang menyertai kejohanan tersebut.



SEBAHAGIAN daripada aksi semasa pertarungan dalam Kategori 'B'.

Sukan

INFO SUKAN

GALERI Sukan yang terletak di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas adalah sebagai penghargaan serta pengiktirafan kepada tokoh-tokoh dan ahli-ahli sukan yang telah mengharumkan negara pada kejohanan sukan serantau dan antarabangsa, di samping memfokuskan penyertaan juga perkembangan sukan di negara ini.



ePaper Pelita Brunei

Regata Brunei Darussalam, 25 Ogos

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Ogos. - Dengan kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, acara Regata Brunei Darussalam (RBD) akan diadakan pada Ahad, 25 Ogos 2019 pada sebelah pagi dan petang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berucap demikian pada Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi RBD sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-73 bagi Tahun 2019, bertempat di Bilik Mesyuarat, Tingkat 4, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Yang Berhormat selaku Penasihat Bersama Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi RBD katanya, menghargai akan usaha daripada tiga buah kementerian yang mengukuhkan RBD, iaitu Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP); Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dengan sokongan padu daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan swasta.

"Sebagaimana yang kita maklumi bahawa acara regata ini telah dianjurkan beberapa tahun yang lalu, yang mana ia telah menarik minat masyarakat di negara ini dan juga

peminat-peminat regata daripada negara-negara jiran yang telah menyertai pada tahun sebelumnya dan akan menyertainya lagi pada tahun ini," ujarnya.

Menurutnya lagi, kita sangat beruntung kerana acara regata tersebut juga menarik minat dan perhatian pelajar-pelajar sekolah menengah, institusi-institusi pengajian tinggi dan para belia.

Seterusnya, Yang Berhormat menjelaskan, di samping RBD ini, kita juga dapat menyaksikan akan acara-acara regata dilaksanakan di negara ini yang dianjurkan oleh KKBS dan agensi-agensi tertentu, yang bukan sahaja tertumpu di Bandar Seri Begawan, tetapi di daerah-daerah lain.

Justeru itu, Yang Berhormat berharap regata tersebut dapat merangsang minat dan semangat golongan muda juga para belia untuk terus mengembangkan acara lumba perahu itu, yang bukan sahaja merupakan acara sukan tradisi, malahan akan dapat memberikan impak kepada kesukanan dan pelancongan di negara ini yang lebih teratur dan berjalan lancar.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat juga berharap mesyuarat berkenaan akan dapat meneliti dan mengemaskan lagi rancangan-rancangan tersebut yang telah pun diteliti oleh jawatankuasa kerja semata-mata untuk membina lagi akan perjalanan dan kesempurnaan acara itu nanti.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tengah) selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Regata Brunei Darussalam ketika berucap pada mesyuarat tersebut.



KEJOHANAN
Olahraga Terbuka
Brunei Master
dirasmikan
MUKA 23

KEJOHANAN Tarik
Kalat Tradisi
meriahkan sambutan
perayaan
MUKA 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN KEWASPADAAN, SENTIASA PEKA DENGAN KEADAAN CUACA SEMASA

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتقن اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam